



M A L A Y S I A

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2367]

RANG UNDANG-UNDANG:

Jawatankuasa [Hari Keempat]—

Rang Undang-undang Perbekalan, 1979:

Jadual—

Maksud B. 22 [Ruangan 2395]

Maksud B. 23 [Ruangan 2410]

Maksud B. 24 [Ruangan 2448]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1979:

Jawatankuasa [Hari Keempat]—

Maksud P. 22 [Ruangan 2395]

Maksud P. 23 [Ruangan 2410]

Maksud P. 24 [Ruangan 2448]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- .. Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- .. Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- .. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).
- .. Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- .. Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- .. Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- .. Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- .. Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- .. Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- .. Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungei Siput).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- .. TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- .. TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- .. PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- .. TUAN V. DAVID (Damansara).
- .. TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- .. TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- .. DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- .. TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- .. TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- .. TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- .. DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- .. TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- .. TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- .. TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- .. TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- .. TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- .. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- .. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- .. TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- .. TUAN LEE KAW (Kluang).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- .. TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- .. TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- .. TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- .. TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- .. TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFFCK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K.,
P.P.M. (Hilir Padas).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- .. TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- .. TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT. K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N.
(Kuala Nerus).
- .. DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- .. TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- .. TUAN P. PATTO (Menglembu).
- .. TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- .. DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- .. PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- .. TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- .. DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- .. DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- .. TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- .. TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- .. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- .. DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- .. TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- .. PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI,
P.I.S., B.S.I. (Panti).
- .. TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 17hb November, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN
SISTEM MENGUNDI**

1. **Tuan Lee Lam Thye** (*di bawah S. O. 24*
(2)) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) adakah beliau sedar bahawa sistem mengundi di negara kita tidak adil dan saksama dan prinsip "one-man-one-vote" telah dicabul dengan sewenang-wenangnya;
- (ii) adakah beliau sedar bahawa bilangan pengundi-pengundi di kawasan bandar adalah di antara 60,000 hingga 90,000 sedangkan pengundi-pengundi di luar bandar adalah di antara 20,000 hingga ke 25,000; dan
- (iii) jika sedar perkara-perkara di atas apakah tindakan yang beliau akan ambil untuk memperbaiki sistem mengundi supaya dapat melahirkan demokrasi yang lebih berkesan di Malaysia.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Ahli Yang Berhormat itu adalah satu dakwaan yang tidak berasas sama sekali. Setiap Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengundi, adalah berhak untuk membuang undi dalam mana-mana pilihanraya dengan syarat mereka telah mendaftar sebagai pemilih terlebih dahulu dan nama mereka terdapat dalam daftar pemilih semasa. Oleh hal yang demikian, saya tidak bersetuju sama sekali dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat itu

bahawa sistem pengundian yang ada di negara kita adalah tidak adil dan saksama dan prinsip satu orang satu undi telah dicabul dengan sewenang-wenangnya.

Mengenai bahagian ke 2 soalan Ahli Yang Berhormat itu pula, perbezaan bilangan pemilih dalam bahagian pilihanraya bandar dan bahagian pilihanraya luarbandar, adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan. Dalam urusan mempersempadankan bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri, perhatian telah diberikan kepada kesulitan-kesulitan perhubungan dan pengangkutan yang terdapat dalam bahagian pilihanraya luarbandar dan juga lain-lain kesulitan yang dihadapi oleh pemilih-pemilih bahagian pilihanraya tersebut. Hakikat ini terkandung dalam Jadual Ke 13 Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi "kecuali bahawa, memandangkan kepada lebih besar kesulitan untuk sampai kepada pemilih-pemilih dalam daerah-daerah kampung dan lain-lain kesukaran yang dihadapi oleh bahagian pilihanraya di luarbandar, luasnya bahagian-bahagian pilihanraya itu patutlah diberi pertimbangan."

Dalam perkara ini juga Ahli Yang Berhormat harus menyedari faktor kepadatan penduduk kawasan bandar dan luarbandar. Kawasan-kawasan bandar biasanya mempunyai kepadatan penduduk yang jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan luarbandar. Oleh hal yang demikian, jika sekiranya hanya pertimbangan dari segi menyamakan bilangan pemilih hendak dititikberatkan, maka akan timbul keadaan di mana keluasan Bahagian Pilihanraya Luarbandar akan menjadi begitu luas jika dibandingkan luar kawasan pilihanraya di bandar-bandar. Yang demikian, ini tidaklah adil dan akan menyulitkan bagi wakil-wakil rakyat yang mewakili Bahagian Pilihanraya luarbandar yang pada umumnya

menghadapi masalah-masalah perhubungan dan pengangkutan terutama di kawasan-kawasan pedalaman. Dari segi pemilihan-pemilih pula, tentulah perkara ini sangat menyulitkan bagi mereka berhubung dengan wakil-wakil rakyat mereka oleh sebab luasnya kawasan pilihanraya wakil rakyat mereka dan juga faktor-faktor perhubungan dan pengangkutan di kawasan-kawasan luarbandar.

Oleh hal yang demikian, tidak ada sebab mengapa sistem pilihanraya yang ada sekarang perlu dipinda sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Tuan Speaker, konsep satu orang satu undi ini adalah sangat mustahak. Kita boleh nampak di sini di mana undi-undi di bandar dalam satu kawasan lebih kurang pengundinya 60,000 sampai 90,000 dan di luarbandar 20,000 sampai 25,000. Dengan ini kita nampak di mana undi di bandar empat kali ganda lebih daripada undi di luarbandar. Ini menunjukkan konsep satu orang satu undi tidak diwujudkan di negara kita ini. Bolehkah Kerajaan timbangkan hal ini dan dikurangkan perbezaan di antara undi bandar dengan undi di luarbandar.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapannya sudah diberi tadi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tetapi kalau ada jawapan tambahan, dipersilakan.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, soal satu orang satu undi (one-man-one-vote) itu pada fahaman saya selalunya kalau kita dapat lebih daripada satu undi, memanglah tidak adil. Tetapi setahu saya setiap pengundi itu dia berhak mengundi sekali sahaja di dalam pilihanraya. Soal one-man-one-vote dalam maksud cakap daripada Ahli Yang Berhormat dari Seremban itu berhubung dengan proportional representation, banyak sebab-sebab yang menentang, banyak sebab-sebab yang tidak setuju dengan cadangan itu. Jadi, jawapan kepada soalan ini, saya fikir samalah macam saya beri tadi.

Tuan P. Patto: Bolehkah pihak Kementerian menimbang semula sistem yang wujud sekarang sepertimana rakan saya kata ada pengundi-pengundi di kawasan-kawasan yang empat kali lebih daripada kawasan luar

bandar. Bolehkah pihak Kerajaan menimbang dan menyusun semula supaya jurang perbezaan di antara jumlah pengundi di-bandar dan di luar bandar tidak lari daripada lebih kurang 30% either way?

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerangkan dalam jawapan asal saya bahawa oleh sebab kesusahan dan kesulitan pengangkutan dan perhubungan di luar bandar maka sebab itulah seberapa boleh sempadan bahagian-bahagian pilihanraya ini mengambil kira masalah-masalah perhubungan dan sebagainya. Jadi soal hendak kita adakan untuk dipertimbangkan, saya fikir jawapan saya masih lagi tidak.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya pihak Pembangkang begitu bangga mewakili kawasan-kawasan yang di dalam bandar dengan orang-orang yang ramai yang mereka wakili. Jadi saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen di-Jabatan Perdana Menteri adakah tidak undang-undang yang melarang untuk mereka bertanding di kawasan-kawasan luar bandar dan kalau sekiranya mereka merasa sukar mengendalikan kawasan bandar kerana ramainya pengundi-pengundi, saya harap dapat Setiausaha Parlimen menerangkan kepada mereka bahawa mereka boleh datang ke kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu tidak perlu dijawab, terkeluar daripada soalan asal.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Setiausaha Parlimen sedar bahawa konsep 'one-man-one-vote' tidak ada bersangkutan paut dengan konsep proportional representation yang disebut tadi. Itulah proportional representation banding dengan simple majority. Inilah satu sistem untuk memastikan bahawa sebenarnya seorang atau satu undi yang equal setaraf dengan orang lain dan adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa dalam Perlembagaan negara kita yang mular-mulanya ada peruntukan bahawa tidak boleh ada 50% lebih undi di satu-satu kawasan bila dibanding dengan yang lain. Sekarang ada empat kali

Tuan Yang di-Pertua: Di mana ada disebutkan tidak kurang daripada 50% ini?

Tuan Lim Kit Siang: Dalam Perlembagaan negara kita dalam tahun 1957, yang sebelum dipinda.

Tuan Yang di-Pertua: Tunjukkan apa yang ada sekarang—Jadual Ketigabelas.

Tuan Lim Kit Siang: Sebab itu menunjukkan bahawa mereka yang deraf Constitution kita betul-betul faham mengenai 'one-man-one-vote' dan kenapa sekarang kita sudah lari daripada konsep itu sampai undi empat orang dalam kawasan luar bandar boleh banding dengan undi seorang dalam bandar?

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih di atas pandangan Ahli Yang Berhormat dari Petaling di atas sama ada soal 'one-man-one-vote' ataupun soal proportional representation itu sama atau tidak. Saya tidaklah hendak berdebat atas soal politik ini tetapi haruslah saya katakan sepertimana kita semua sedar bahawa di dalam bandar kalaupun kita menjadi seorang Wakil Rakyat bagi kawasan bandar oleh kerana kemudahan yang ada dalam bandar bermakna walaupun ada 40 orang dalam satu tempat, lebih senang bagi mereka untuk menghubungi kita kerana kawasan itu kecil, jadi kita senang memberi perkhidmatan kepada rakyat dan kalau di luar bandar 10 orang sahaja dalam kawasan yang lebih besar daripada itu terpaksa mereka mengalami kesusahan untuk mendapat perkhidmatan daripada Wakil Rakyat.

Jadi tujuan kawasan pilihanraya bersempadankan mengikut luas dan yang tidak mengambil kira bilangan penduduk ini ialah kerana kita hendak memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat sebagai seorang Wakil Rakyat.

Tuan V. David: Adakah Kerajaan bercadang untuk menambah lagi kawasan-kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan pada masa akan datang?

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Soal kawasan Parlimen hendak ditambah di-Wilayah Persekutuan, saya fikir kita tunggu-lah sebab dalam peruntukan Perlembagaan, kalau tidak salah saya, tidak lebih daripada 10 tahun dan tidak kurang daripada 8 tahun sempadan kawasan pilihanraya boleh dirundingkan semula.

Tuan P. Pato: Bolehkah pihak Kerajaan menimbang bahawa setiap kawasan sempadannya akan ditentukan dengan mengadakan garisan-garisan yang lurus sama ada kawasan itu persegi seperti dilakukan di satu dua negara ataupun rectangular, bolehkah Kerajaan menimbang sistem ini supaya tidak kita dapati perbezaan seperti yang berlaku sekarang?

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat ini semua duduk dalam dunia khayalan, sebab apa hendak buat kalau sungai itu tidak lurus atau jalan itu tidak lurus. Kita menggunakan benda-benda ini sebagai natural boundary dalam pembentukan kawasan pilihanraya. Jadi kalau sungai itu tidak lurus, apa kita hendak buat? (*Ketawa*).

HARGA TIKET KERETAPI DI SINGAPURA

2. **Dr Chen Man Hin:** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar rakyat Malaysia yang mengembara berasa marah kerana mereka terpaksa bayar lebih (dalam ertikata ringgit Malaysia) daripada harga yang dinyatakan di dalam tiket-tiket Keretapi yang mereka beli di stesyen keretapi Singapura.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, berkenaan penumpang-penumpang yang membayar tambang lebih (dalam ertikata ringgit Malaysia), ini adalah disebabkan tambang-tambang yang dikenakan di stesyen Keretapi Singapura adalah dalam dollar Singapura dan mereka yang membayar dalam matawang Malaysia dikenakan kadar tukaran ke dollar Singapura.

Pengenaan tambang dalam dollar Singapura adalah selaras dengan apa yang dilakukan oleh lain-lain organisasi pengangkutan yang dipunyai oleh Kerajaan Malaysia yang beroperasi di luar negeri, misalnya Sistem Penerbangan Malaysia (MAS).

PELAJAR-PELAJAR KE UNIVERSITI- UNIVERSITI

3. **Tuan Lee Boon Peng** (*di bawah S. O. 24*) (2) minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pengambilan masuk pelajar-pelajar ke

universiti-universiti di dalam negara ini untuk sesi akademik 1978/79 dan diberi angka pecahan mengikut kaum.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh Jafaruddin): Tuan Yang di-Pertua, perangkaan-perangkaan yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat telahpun diberi oleh Y. B. Menteri di Dewan ini semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Seremban pada 10.10.1978.

TAHANAN POLITIK CHONG KIM MIEN

4. **Tuan V. David** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa seorang tahanan politik yang bernama Chong Kim Mien (No. 3471—Batu Gajah Detention Camp) yang telah ditahan lebih 6 tahun sedang sakit tenat dan mungkin meninggal dunia tidak lama lagi. Jika sedar, sama ada beliau menimbang membebaskannya berasaskan belas kasihan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, dalam menjawab soalan ini sukalah saya menegaskan bahawa tidak ada orang-orang tahanan politik di dalam negara kita ini. Sebenarnya Chong Kim Mien adalah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana penglibatannya di dalam kegiatan-kegiatan pro-komunis.

Adalah tidak benar bahawa Chong Kim Mien sedang sakit tenat. Mengikut laporan pegawai perubatan keadaannya adalah memuaskan. Sebagaimana orang-orang tahanan yang lain ia telah diberikan rawatan perubatan dari semasa ke semasa oleh pegawai-pegawai perubatan. Walau bagaimanapun penyakit sebenar yang dihadapi olehnya tidaklah dapat diketahui kerana keengganannya untuk tinggal lebih lama di hospital bagi rawatan selanjutnya. Apa yang diketahui ia telah mengadu sakit sahaja; dan ia telah diberikan rawatan yang sewajarnya. Oleh yang demikian Kementerian ini tidak bercadang untuk membebaskan orang ini pada masa ini.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sedar

bahawa sebab utama tahanan-tahanan politik termasuk Chong Kim Mien enggan tinggal lama dalam rumahsakit untuk diubati ialah oleh kerana mereka walaupun sakit dan sakit tenat apabila pergi ke hospital dan semasa dalam wad-wad mereka mesti dihandcuffs kepada katil-katil dan ini adalah satu kelakuan yang sangat kejam. Bolehkah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ubah peraturan-peraturan yang membolehkan bahawa pesakit-pesakit daripada tahanan-tahanan baikpun Taiping atau Batu Gajah apabila pergi ke hospital untuk dapat rawatan tidak perlu dihandcuffed kepada katil-katil mereka?

Tuan Yang di-Pertua: Satu yang saya hendak betulkan mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi Chong Kim Mien ini bukan tahanan politik.

Tuan Lim Kit Siang: Tahanan-tahanan.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjaga keselamatan supaya orang tahanan tidak cuba melarikan diri maka pihak polis terpaksa menggunakan gari pada masa membawa mereka itu sehingga ke hospital.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa di dalam tahun 1968 pihak tahanan, pihak Kementerian dan polis telah mencapai satu persetujuan di mana mereka yang pergi ke hospital tidak perlu dihandcuffs. Dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini sama ada dalam tempoh 5 tahun atau 6 tahun itu di mana persetujuan ini ada dijalankan bahawa tahanan yang pergi ke hospital tidak perlu dihandcuffs. Adakah pernah seorang yang telah lari daripada hospital yang menyebabkan peruntukan ini diubah?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, peraturan-peraturan yang dijalankan sekarang ini tidak dapat diubah oleh sebab-sebab keselamatan sebagaimana yang saya katakan tadi dan keadaan begini tidak membawa apa-apa kepayahan kepada orang-orang tahanan ini.

Tuan Haji Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri

yang berkenaan kalau orang yang ditahan ini apabila dia sakit sama ada dia digari atau tidak, dapatkah dia layanan yang serupa seperti orang yang tidak dalam tahanan daripada pihak yang tertentu?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya ialah orang tahanan yang sakit ini memang mendapat layanan yang serupa sebagaimana orang-orang sakit yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Soalan saya ialah mengenai keselamatan. Kenapa mereka mesti dihandcuffs? Oleh kerana dalam masa 5-6 tahun daripada 1968 hingga 1973 atau 1974 mereka yang kena tahan yang pergi ke hospital tidak dihandcuffs, adakah dalam tempoh itu berlaku masalah keselamatan di mana seorang lari atau cuba lari dan peruntukan ini diperlukan untuk dihandcuffs mereka di dalam hospital.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin hendak notis, Yang Berhormat.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tentu sekali ada percubaan-percubaan daripada

mereka itu hendak menjalankan perkara-perkara yang tidak diinginkan seperti hendak lari dan sebagainya yang menyebabkan dibuat peraturan-peraturan dihandcuffs kepada orang-orang tahanan ini.

CUKAI KENDERAAN

5. **Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa peruntukan jalan raya kalau dibandingkan dengan cukai kenderaan dianggap sangat berkurangan:

- (a) berapa banyak jumlah cukai kenderaan pada tahun 1974-1977; dan
- (b) berapa banyak peruntukan jalan raya pada tahun 1974-1977.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa peruntukan jalan raya adalah berkurangan terutamanya di Semenanjung Malaysia jika dibandingkan dengan kutipan cukai kenderaan. Walau bagaimanapun, di Sabah dan Sarawak peruntukan jalan raya adalah melebihi daripada kutipan cukai kenderaan.

(a) Jumlah cukai kenderaan pada tahun-tahun:

1974	1975	1976	1977
\$225,778,915.16	\$255,860,907.33	\$288,070,919.84	\$318,523,281.53

(b) Peruntukan jalan raya pada tahun-tahun:

1974	1975	1976	1977
\$170,199,783.00	\$209,934,769.00	\$222,150,060.00	\$343,148,020.00

CERMIN GELAP UNTUK KERETA

6. **Tuan Haji Nik. Abdul Aziz bin Nik Mat** bertanya kepada Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa pengecualian menggunakan cermin gelap di kereta-kereta untuk orang-orang tertentu termasuk para Menteri telah menimbulkan pertanyaan bahawa para Menteri kita termasuk dalam golongan orang yang dibenci oleh rakyat yang memerlukan mereka bergerak secara sulit dan dari pandangan ramai; dan

(b) sila senaraikan golongan orang-orang yang dibenarkan menggunakan cermin gelap untuk kereta mereka masing-masing.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya tidak sedar bahawa para Menteri termasuk dalam golongan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebagai dibenci oleh rakyat kerana mereka semua adalah orang-orang yang dipilih dan diberi kepercayaan oleh rakyat.

semua adalah orang-orang yang dipilih dan diberi kepercayaan oleh rakyat.

- (b) Senarai golongan orang-orang yang benarkan menggunakan cermin gelap untuk kereta masing-masing adalah seperti yang dinyatakan dalam Kaedah 9 Kaedah-kaedah Kereta Motor (Pembinaan, Kelengkapan dan Penggunaan) (Larangan mengenai Jenis-jenis Kaca Tertentu) 1978.

Tuan Haji Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar atau tidak orang-orang yang bencikan kepada Menteri ini ialah ahli-ahli Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain (*Ketawa*). Tidak perlu dijawab.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar kereta-kereta yang menggunakan tinted glass ini mudah diidentified oleh orang-orang jahat. Kalau orang-orang jahat menjalankan tindakan tidak baik kepada kereta-kereta yang menggunakan tinted glass ini, saya fikir mereka akan dapat satu keadaan yang merbahaya.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, perbincangan jawapan atas masalah perkara ini telah banyak kali dijawab di dalam Dewan ini.

MOTOR KUMPIT (JEEPNEY)

7. **Datuk Sakaran bin Dandai** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) mengapa sebuah motor kumpit kepunyaan seorang rakyat Malaysia di Sabah yang telah dicuri oleh orang Filipino kini berada di Bakong Simunol Tawi-Tawi di Filipina tetapi sangat susah untuk diambil balik sama ada melalui peringkat Kerajaan atau pegawai; dan
- (b) sama ada beliau boleh menggunakan jasa baik beliau melalui muhibbah dan semangat ASEAN untuk mengambil balik motor kumpit yang dicuri itu. Kecurian ini telahpun dilaporkan kepada pihak Polis di Sandakan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut itu adalah terlalu umum tanpa menyatakan dengan lebih khusus mengenai kepunyaan siapakah motor kumpit yang dicuri itu, dan bila berlaku kecurian dan bilakah ianya dilaporkan kepada pihak Polis. Saya percaya maksud Ahli Yang Berhormat itu ialah berhubung dengan laporan Tuan Haji Amir bin Indon kepada pihak Polis Sandakan pada 7-8-78 ini berhubung dengan kehilangan motor kumpitnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini siasatan Polis belum dapat menentukan di manakah motor kumpit itu berada.
- (b) Jika sekiranya terdapat butir-butir yang lengkap mengenai motor kumpit yang hilang itu dan telah sah berada di-Filipina maka pihak Wisma Putra akan mencuba melalui pihak-pihak tertentu Kerajaan Filipina untuk mendapatkan kembali motor kumpit yang dimaksudkan itu.

TUDUHAN DI BAWAH AKTA SENJATAPI

8. **Tuan Chan Teck Chan** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan memandang kepada hakikat baru-baru ini beliau telah mengarah supaya tuduhan-tuduhan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dipinda kepada tuduhan-tuduhan di bawah Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971 atau di bawah Akta Senjatapi 1960 berapakah bilangan kes-kes yang telah dipinda tuduhan-tuduhan berkenaan selepas kes-kes keselamatan dalam negeri telah dibicarakan di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975 dipulau oleh peguam-peguam sejak bulan Oktober, 1977.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Dato' Seri Hamzah bin Datuk Haji Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 25 tuduhan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri telah dipinda menjadi tuduhan-tuduhan di bawah Akta Senjatapi (Penalti Lebihberat) 1971 telahpun di bawah Akta Senjatapi 1960 selepas bulan Oktober, 1977.

Tetapi tidaklah benar bahawa pemuluan oleh peguam-peguam terhadap kes-kes Akta Keselamatan Dalam Negeri telah menyebabkan pindaan ini. Satu-satu kes itu perlu dikaji dari segi kenyataan yang diperolehi dan jika kenyataan ini tidak melibati atau membuktikan kenyataan bahawa senjatapi dibawa dengan tujuan menjalankan kegiatan subversif ataupun komunis, maka tindakan dibuat di bawah Undang-undang Akta Senjatapi yang saya sebutkan di atas tadi. Patut juga ditegaskan di sini bahawa beberapa pindaan seumpama itu telahpun dilakukan sebelum pemuluan oleh peguam-peguam. Ini menunjukkan pindaan itu bukanlah perkara baru.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian maklum Mahkamah Persekutuan telahpun memutuskan bahawa Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) (Pindaan) 1975 adalah undang-undang yang sah. Keputusan bagi meminda tuduhan-tuduhan di dalam kes-kes tersebut dibuat oleh sebab juga berubahnya keadaan jenayah-jenayah yang melibatkan senjatapi secara haram setelah beberapa tuduhan dimajukan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak lama dahulu. Perlu juga diingatkan bahawa dari suatu masa kesatu masa masih ada mereka yang dituduh di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sama ada mereka itu dituduh di bawah akta itu ataupun tidak terpulanglah kepada keadaan dan berat atau seriusnya sesuatu kes itu.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini dalam saat ini berapa kes dan berapa orang yang didakwa di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) tahun 1975?

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, bulan Oktober, 1978 masih ada lagi 84 kes yang dituduh di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang supaya mengkaji semula kes-kes ini supaya mereka yang dituduh di bawah Peraturan-peraturan Perlu (kes-kes Keselamatan) 1975 dibicarakan di bawah Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) ataupun di bawah Akta Senjatapi 1960.

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Sebagaimana yang saya terangkan tadi Tuan Yang di-Pertua, satu-satu kes itu dikaji dengan mendalamnya dan kalau sekiranya ada bukti bahawa senjatapi-senjatapi itu dibawa bukan dengan tujuan untuk melakukan sesuatu kegiatan komunis ataupun subversif, terserahlah kepada saya membawa tuduhan di bawah Akta yang Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi, iaitu Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat).

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah ini bererti bahawa apabila seorang ditangkap dan didakwa beliau didakwa dahulu di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) dan selepas itu barulah kalau ada bukti bahawa beliau ada senjatapi tanpa tujuan subversif barulah kes ini dirujuk kepada Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, sebelum satu-satu tuduhan dibawa ke mahkamah fail kenyataan berkenaan dengan satu-satu kes itu dikemukakan kepada Peguam Negara iaitu saya dan saya mengkaji dengan mendalamnya bukti-bukti yang ada dan selepas membuat kajian mendalam, saya putuskan sama ada tuduhan ini di bawah Akta Senjatapi ataupun Akta Keselamatan Dalam Negeri patut dibawa ke dalam mahkamah.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu sama ada benar bahawa lebih kurang 60 orang yang telah dijatuhkan hukuman mati selepas dibicara di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sekarang menunggu kes-kes rayuan mereka di Privy Council dan lain-lain peringkat? Kalau sedar, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk mengkaji semula semua kes-kes ini dan dibicarakan di bawah Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) atau Akta Senjatapi 1960, sekiranya didapati bahawa maksud mereka membawa senjatapi-senjatapi itu bukanlah untuk aktiviti-aktiviti subversif?

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, memang benar kita menunggu keputusan daripada Privy Council dalam kes-kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Jadi selepas keputusan rayuan Privy Council itu diperolehi

kita akan kaji semula kes-kes yang masih belum dijalankan di bawah undang-undang yang tertentu dan mengikut penjelasan saya tadi kalau daripada penyiasatan ini dapat bukti bahawa orang-orang yang masih menghadapi tuduhan ini patut dituduh di bawah Akta Senjatapi, saya akan mengambil tindakan meminda tuduhan (charge) itu di bawah Akta Senjatapi daripada Akta Keselamatan Dalam Negeri.

PERKHIDMATAN DOKTOR-DOKTOR

9. **Tuan P. Patto** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) syarat-syarat perkhidmatan doktor-doktor di dalam perkhidmatan Kerajaan;
- (b) bilangan doktor-doktor yang telah berhenti dari perkhidmatan Kerajaan sejak Merdeka; dan
- (c) sebab-sebab mengapa mereka berbuat demikian.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Syarat-syarat perkhidmatan yang dikenakan kepada doktor-doktor di dalam perkhidmatan Kerajaan mengikut Skim Perkhidmatan yang berkuatkuasa sekarang ialah:
- (i) Calun-calun mestilah terdiri daripada Warganegara Malaysia;
- (ii) Calun-calun bagi lantikan terus hendaklah berumur tidak melebihi 40 tahun. Manakala calun-calun yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat tidak melebihi 50 tahun;
- (iii) Calun-calun bagi lantikan mestilah memiliki kelulusan ijazah dalam ilmu perubatan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya atau universiti yang diiktiraf setaraf sebagaimana yang terkandung di dalam Akta Perubatan 1971. Calun-calun berkenaan layak dilantik sebagai Doktor Siswazah dengan dibayar gaji sebanyak \$1,165 sebulan. Mereka layak menjawat jawatan Pegawai Perubatan dengan dibayar gaji sebanyak \$1,225 sebulan apabila telah berdaftar secara penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia;

(iv) Calun-calun mestilah memiliki kelulusan Bahasa Malaysia (bertulis dan lisan) di peringkat SPM/MCE;

(v) Calun-calun adalah dikehendaki menjalani tempoh percubaan antara 1 hingga 3 tahun dan di dalam tempoh yang tersebut, dikehendaki lulus Peperiksaan Am Kerajaan untuk tujuan pengesahan ke jawatan;

(vi) Pegawai Perubatan juga adalah dikehendaki menjalani perkhidmatan wajib dengan Kerajaan selama 3 tahun menurut Seksyen 41, Akta Perubatan 1971.

(b) Kementerian Kesihatan tidak dapat memberikan angka yang sebenar mengenai doktor-doktor yang meletakkan jawatan sejak dari tarikh merdeka itu. Walau bagaimanapun, mengikut rekod Kementerian ini sejak dari tahun 1970 hingga ke masa ini, bilangan doktor-doktor yang berhenti dari perkhidmatan Kerajaan ialah sebanyak 1,205.

(c) Kementerian Kesihatan tidak dapat memberikan jawapan yang tepat mengapa doktor-doktor meletakkan jawatan dari perkhidmatan Kerajaan, kerana mengikut peraturan yang berjalan sekarang, pegawai-pegawai Kerajaan cuma dikehendaki memberikan notis yang cukup sekiranya ingin meletakkan jawatan dan tidak dimestikan memberi alasan.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Kesihatan memberitahu sama ada doktor-doktor yang dipinjam dari Burma dan Indonesia kesemuanya mempunyai kelayakan-kelayakan yang cukup yang setaraf dengan kelayakan yang ditetapkan oleh Kementerian beliau.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Saya sedar.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, berhenti yang dimaksudkan di sini adakah berhenti meliputi semua jenis berhenti, berhenti kerana meletakkan jawatan, berhenti kerana meninggal dunia, berhenti kerana cukup tempoh perkhidmatan dan berhenti kerana tamatnya perjanjian mereka dengan Kementerian ini. Berhenti yang macam mana yang dimaksudkan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Berhenti bermakna berhenti dengan perkhidmatan Kerajaan.

Tuan P. Patto: Tadi Yang Berhormat Menteri tidak faham barangkali soalan saya. Saya bertanya bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberitahu sama ada doktor-doktor dari Indonesia dan Burma yang baru-baru ini kita telah umum akan pinjam untuk berkhidmat di Malaysia ini mempunyai kelayakan-kelayakan yang setaraf dengan kelayakan-kelayakan yang diinginkan dan yang ditetapkan oleh pihak Kementerian.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya faham apa pihak Ahli Yang Berhormat kata, oleh kerana beliau bertanya sama ada saya sedar atau tidak, saya jawab, saya sedar. Taraf mereka setaraf dengan kelulusan kita, jawapan tambahan pun serupa juga.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa doktor-doktor dan pakar-pakar perubatan (Specialists) yang resign secara beramai-ramai sejak beberapa tahun ini merupakan satu kehilangan besar kepada negara kita khasnya oleh kerana ramai di antara mereka yang pergi ke luar negeri. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini kenapa Kementerian beliau tidak cuba mendapat tahu sebab-sebab mengapa mereka keluar beramai-ramai daripada perkhidmatan dan nampaknya Kementerian asyik pinjam doktor-doktor daripada Indonesia, Burma dan lain-lain negeri daripada mencari satu jalan untuk membolehkan doktor-doktor yang ada daripada warganegara kita untuk terus berkhidmat di negara kita?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, walaupun itu satu soalan yang berlainan sedikit tetapi sebagai sebuah Kerajaan yang mengamalkan demokrasi, jika seseorang pegawai Kerajaan hendak berhenti daripada perkhidmatan Kerajaan tidak akan Kerajaan hendak memaksa beliau bekerja terus-menerus.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada betul

atau tidak iaitu sebab-sebab ramai doktor-doktor dan pakar-pakar itu meletakkan jawatan ataupun berhenti ialah kerana mereka tidak mahu terutama sekali mengikuti perintah peraturan, misalnya pergi bertukar ke luar bandar. Saya hendak tahu juga sama ada betul atau tidak sebab-sebabnya Kerajaan meminjam doktor daripada Indonesia dan Burma ini ialah kerana mereka ini senang dan patuh mengikut peraturan-peraturan yang ditentukan oleh pihak Kerajaan kita.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, ada benar juga Kementerian Kesihatan mewajibkan doktor-doktor untuk bertugas di luar bandar sekali-sekala dan kadang kala adalah doktor yang enggan berbuat demikian oleh kerana sebab-sebab persendirian dan mereka berhenti bekerja. Dan kita pinjam doktor-doktor dari Indonesia dan Burma bukan sahaja oleh kerana mereka bertugas di luar bandar tetapi sebagai satu langkah sementara untuk mengisikan jawatan yang kosong.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada berkata bahawa pihak Kementeriannya tidak dapat memberikan sebab-musabab begitu ramainya doktor sudah berhenti dan meninggalkan perkhidmatan dengan Kementerian Kesihatan. Adakah Yang Berhormat Menteri Kesihatan akan mengambil satu tindakan untuk memperbaiki sistem pentadbirannya supaya doktor-doktor atau pakar-pakar perubatan bila mereka berhenti (resign) mereka akan dikehendaki untuk memberi sebab-musababnya supaya Kerajaan boleh mengesani apakah sebab yang mengakibatkan begitu ramainya doktor meninggalkan perkhidmatan kesihatan supaya langkah-langkah yang berkesan boleh diambil untuk menutup dan memberhentikan pengaliran keluar doktor dari Malaysia, kerana saya menganggap ini adalah merupakan satu kerugian besar terhadap negara kita.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, doktor-doktor seperti pegawai-pegawai yang lain dalam perkhidmatan Kerajaan adalah berkhidmat tertakluk dengan syarat-syarat dan gaji-gaji yang tertentu. Ada kala doktor-doktor boleh mendapat hasil,

keuntungan ataupun pendapatan yang lebih banyak dalam pihak swasta, ini adalah satu sebab di antara lain mengapa mereka berhenti.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab banyak doktor-doktor ada lari meninggalkan daripada perkhidmatan Kerajaan

Tuan Yang di-Pertua: Dia bukan lari—berhenti!

Dr Chen Man Hin: dan ada penuntut-penuntut kita berhasrat atau berminat menjadi doktor-doktor mahu memasuki fakulti kedokteran, adakah Kerajaan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas untuk menyiasat sekolah-sekolah perubatan di lain-lain negara untuk mengiktiraf (recognise) lebih sekolah-sekolah ini untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar kita pergi ke sana melanjutkan pelajaran dan balik menjadi doktor.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain, tidak payah dijawab.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri beritahu Dewan ini ada juga doktor berhenti kerja dan pergi ke luar negeri, barangkali kita pun tidak cukup doktor. Adakah Kerajaan

Tuan Yang di-Pertua: Nanti! Saya betulkan dahulu. Yang Berhormat Menteri tidak kata dia berhenti pergi ke luar negeri. Jangan ada-adakan barang yang tak ada.

Tuan V. David: Tidak ada. Bolehkah Kerajaan iktirafkan degree yang menerima oleh British Medical Council? Oleh itu bolehkah iktiraf degree daripada India dan Taiwan?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta Perubatan 1971 ada peruntukan untuk mendaftar doktor-doktor yang datang dari mana negeri juga dengan syaratnya mereka diiktiraf oleh Majlis Perubatan Malaysia.

PENAGIH DADAH

10. **Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Hal Ehwal dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah penagih-penagih dadah yang sedang dirawat di-hospital-hospital di negeri ini pada masa ini;
- (b) berapa ramaikah yang sudah berjaya dirawatkan;
- (c) berapa ramaikah, kalau ada, mereka-mereka yang telah dirawat kemudian didapati menjadi penagih semula; dan
- (d) berapa ramaikah penagih-penagih dadah yang telah diubahi oleh dukun-dukun Melayu cara tradisi.

Dato Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini, seramai 2,033 orang penagih dadah sedang dirawat di hospital-hospital di seluruh negara.
- (b) Dari 1hb Oktober, 1975 (sejak Kerajaan menubuhkan pusat-pusat pemulihan) hingga 31hb Ogos, 1978, seramai 1,323 orang penagih telah berjaya menjalani pemulihan hingga tamat di ketiga-tiga buah pusat pemulihan yang ditubuhkan itu. Perlu dinyatakan di sini iaitu ada dua proses di dalam usaha-usaha ini:

1. Rawatan atau detoxification yang dijalankan oleh hospital-hospital.
2. Pemulihan atau rehabilitation yang dijalankan oleh Pusat-pusat Pemulihan.

(c) Sehingga ini tidak ada perangkaan yang menunjukkan penagih dadah yang telah dipulih berbalik semula kepada sifat penagihan mereka;

(d) Tidak ada rekod-rekod yang menunjukkan dukun-dukun Melayu telah berjaya memulihkan penagih-penagih dadah. Walau bagaimanapun, kajian sedang dijalankan sekarang oleh pihak Kerajaan untuk memastikan sama ada dukun-dukun Melayu berkemampuan dalam usaha-usaha mereka merawat dan memulihkan penagih-penagih dadah.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar

bahawa di dalam akhbar-akhbar ada membawa berita bahawa ada kes-kes di mana dukun-dukun Melayu telah dapat merawat mereka yang menjadi penagih dadah?

Tuan Yang di-Pertua: Aturan Peraturan Mesyuarat 23 (1) tidak membenarkan sama ada benar atau tidak dalam akhbar. Tidak perlu dijawab.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Saya pusingkan soalan saya, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri telah menyasiat perkara-perkara ataupun kejadian-kejadian di mana dukun-dukun Melayu telahpun merawat penagih-penagih dadah?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan tadi bahawa memang Kerajaan sedar atas perkara ini, dengan itu kajian adalah sedang dijalankan di atas perkara tersebut itu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, tetapi jangan panjang-panjang sangat soalan tambahan itu.

Tuan Lee Lam Thye: Yang pertama saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa di Hospital Besar Kuala Lumpur tidak ada tempat atau katil yang cukup untuk mengubati penagih-penagih dadah dan jika beliau sedar sama ada beliau akan membuat rekomendasi kepada pihak yang berkenaan untuk menambah tempat-tempat untuk mengubati penagih-penagih dadah.

Yang kedua, sama ada beliau sedar bahawa satu badan yang dinamakan PEMADAM tidak ada mempunyai kuasa yang cukup untuk membantu Kerajaan untuk mengatasi dan memerangi masalah dadah dan jika beliau sedar apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk melengkapkan badan ini dengan kuasa yang cukup untuk membantu Kerajaan mengatasi masalah dadah?

Tuan Yang di-Pertua: Masalah yang kedua ini kalau hendak dijawab pun boleh, kalau hendak ditinggal pun keluar juga daripada

soalan asal. Soalan yang pertama itu sahaja dijawab.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Kerajaan sedar di atas perkara ini dan usaha-usaha sedang dibuat untuk menambah tempat-tempat pemulihan seberapa banyak yang boleh di semua hospital-hospital di daerah-daerah dalam negara kita ini.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai soalan (d) sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar atau tidak sebenarnya, iaitu lebih daripada 300 orang penagih-penagih dadah telahpun diubati oleh dukun-dukun melalui cara tradisional dan berjaya dan perkara ini memang telah diakui ada satu badan yang dianggotai oleh penyiasat daripada Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang. Sedar atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menjawab pada mula tadi tidak ada rekodnya, tetapi kalau ada hendak jawab juga lagi ada tambahan.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tidak ada.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Kerajaan fikir untuk membawa Akta bagi mengenakan hukuman penjara seumur hidup kepada sesiapa yang menjual dadah di negara kita?

Tuan Yang di-Pertua: Ini jauh daripada soalan asal.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengadakan cadangan berkenaan soalan 10 (c) di masa hadapan hendak menyasiat beberapa orang yang telah dirawat kemudian didapati menjadi penagih semula. Adakah cadangan hendak menyasiat berapa kes yang telah dapat rawatan dan kemudian menjadi penagih dadah semula?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya ada rancangan-rancangan untuk menyasiat semula orang-orang yang telah mendapat pemulihan daripada penagih dadah ini.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa beliau sedang menyasiat dukun-dukun Melayu mengubati penyakit dadah secara tradisional. Saya hendak bertanya apakah cara Yang Berhormat Timbalan Menteri menyasiat cara kasarnya, apakah cara-cara yang telah dilakukan untuk menyasiat dan bilakah siasatan ini boleh ditamatkan.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain.

PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI KELANTAN

11. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah bantuan yang telah diberikan kepada Negeri Kelantan dalam berbagai-bagai bidang selepas 11hb Mac, 1978 dengan tujuan mempercepatkan lagi pembangunan sosio-ekonomi. Dan nyatakan projek-projek baru yang sedang dimulakan hasil daripada bantuan kilat atau apa-apa bantuan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, jumlah bantuan di bawah Anggaran Pembangunan yang telah diberikan kepada Kerajaan Negeri Kelantan selepas 11hb Mac, 1978 untuk projek-projek negeri ialah sebanyak \$26,935,406. Projek-projek yang sedang dijalankan hasil daripada bantuan itu meliputi berbagai-bagai rancangan seperti perumahan awam kos rendah, pembinaan rumah-rumah kedai, pasar, pembangunan bandar Gua Musang, memperbaiki Pejabat-pejabat Kerajaan, meluaskan lagi ladang getah Sungai Terah dan kerja-kerja pemuliharaan rancangan tanah di bawah Lembaga Kemajuan Tanah Negeri. Di samping itu peruntukan sebanyak \$187,112,000 telah juga diperuntukkan kepada negeri Kelantan di dalam Belanjawan 1978 untuk berbagai-bagai projek pembangunan seperti pembangunan hospital-hospital daerah, projek-projek parit dan taliair dan projek-projek pembangunan luar bandar di dalam kawasan Kelantan Utara. Sebanyak \$4,307,781.60 telah juga diluluskan bagi negeri Kelantan di dalam tahun 1978 untuk membiayai projek-projek

kecil seperti membina masjid-masjid, surau, parit-parit dan taliair-taliair kecil dan sebagainya.

Di samping itu Kerajaan Persekutuan juga sedang giat melaksanakan berbagai-bagai projek pembangunan yang diluluskan selepas 11hb Mac, 1978, seperti pembinaan jalan-jalan luar bandar, rancangan tanah FELCRA, pembekalan letrik luar bandar, lebuhraya dan satu kajian kemungkinan projek luar bandar yang disatukan di Kemasin-Semerak melalui bantuan teknik Bank Pembangunan Asia. Projek-projek ini berjumlah kesemuanya sebanyak \$252,770,000.

Jumlah ini ialah setakat yang diluluskan sebelum peruntukan-peruntukan yang dipersetujui dalam Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Ketiga diambil kira. Peruntukan tambahan akan dibuat selepas Kajian Semula itu diluluskan oleh Dewan Rakyat.

SIJIL KERAKYATAN

12. **Tuan V. David** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan sijil kerakyatan di bawah borang G yang telah dibereskan mulai 1hb Januari, 1970 hingga hari ini.
- (b) tempoh yang diperlukan untuk meluluskan sesuatu permohonan di bawah borang G; dan
- (c) sama ada menjadi objektif Kerajaan membiar mereka yang tidak bernegeri dengan menggunakan hak seorang Menteri walaupun pemohon-pemohon telah memenuhi semua syarat-syarat di bawah undang-undang termasuk tempoh tinggal di Malaysia.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini, suka saya menyatakan bagi

- (a) jumlah bilangan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 19 (1) (a) (i) (Borang G) yang telah dipertimbangkan mulai daripada 1.1.1970 hingga 30.9.1978 adalah sebanyak 24,658.
- (b) masa yang diambil untuk memproses permohonan-permohonan kewarganegaraan di bawah borang G ini

adalah berpatutan dan tidak lebih daripada masa yang diperlukan.

- (c) bagi menjawab soalan (c) daripada Ahli Yang Berhormat itu kebanyakan mereka yang memohon kewarganegaraan di bawah borang G adalah mereka yang mempunyai kewarganegaraan negara asal mereka. Dengan itu mereka tidak boleh dikatakan 'tidak bernegeri'. Sukalah saya menyatakan di sini permohonan-permohonan kewarganegaraan di bawah borang G adalah diluluskan semata-mata atas budi bicara Kerajaan.

Tuan V. David: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjelaskan tentang soalan (b), misalnya berapa lama Kerajaan mahu atau menerima atau selesai satu permohonan Borang G. Bolehkah bagi ketetapan berapa lama, satu bulan atau dua bulan. Ada juga pemohon yang menunggu sampai enam tujuh tahun, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri mahu pada masa akan datang saya boleh beri contoh.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menyatakan tadi bahawa masa yang diambil untuk memproseskan permohonan-permohonan ini adalah tidak lebih daripada masa yang diperlukan oleh pihak Jabatan dan Kementerian untuk memproseskan permohonan ini. Masa yang diperlukan itu sekiranya dikehendaki dalam masa lima ataupun enam bulan boleh dibereskan atau disempurnakan permohonan ini. Jika sekiranya diperlukan masa yang lebih lagi sehingga lima atau enam tahun adalah difikir perlu juga dikehendaki oleh sebab terpaksa diselidiki dari berbagai-bagai segi termasuk keselamatan dan sebagainya.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu definasi macam mana "approved" atau menerima permohonan. Dalam Borang G itu adalah menyatakan bebas macam Kerajaan atau Yang Berhormat Menteri ada criterion atau satu fikiran yang bebas, kalau mahu terima boleh, kalau mahu tolak pun boleh? Bolehkah Kerajaan beritahu kalau macam itu berapa lama Yang Berhormat

Menteri mahu ambil masa, sama ada satu tahun atau dua tahun mahu selesaikan cepat atau "disposed" permohonan itu?

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat sudah jawab, itu atas budi bicara Kerajaan, tak bolehlah dipaksa Kerajaan.

Tuan V. David: Lagi satu definasi, macam mana cara menyelesaikan permohonan borang G, tidakkah ada satu polisi yang terang, macam mana Kerajaan menerima permohonan itu kerana ada orang yang menunggu lama dan tidak tahu macam mana fikiran Kerajaan. Bolehkah bagi penerangan?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, definasi dan kelayakannya ada di dalam Perlembagaan iaitu kelayakan yang dikehendaki daripada permohonan-permohonan itu.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sama ada beliau sedar bahawa mengingatkan soal kerakyatan ini adalah satu perkara yang penting bagi sesebuah negara dan mengingatkan bahawa tiap-tiap pemohon itu mempunyai latar belakang yang berlainan maka sudah tentulah menjadi kesukaran bagi pihak-pihak yang berkenaan untuk menentukan sesuatu permohonan itu di dalam satu-satu masa yang tertentu.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju begitu.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, biasanya Kementerian tidak memberi jawapan, tidak bagi keterangan mengapa pemohon itu tidak dapat kerakyatan ataupun ditolak permohonannya. Bolehkah bila ditolak pemohon itu diberi satu keterangan, dan kedua ada juga pemohon sudah lulus peperiksaan Bahasa Kebangsaan dan sudah bagi keterangan berapa lama ada duduk tetap dalam negara kita? Satu cara dalam Perlembagaan kita sebelum pindaan, mengatakan 10 tahun ada juga orang duduk selama 30-40 tahun tidak keluar daripada negara kita dan sudah lulus peperiksaan Bahasa Kebangsaan tetapi hingga hari ini tidak mendapat kerakyatan. Itulah saya minta sekali lagi merayu

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan tempat merayu, hendak bertanya boleh.

Tuan V. David: Saya minta bolehkah diberi keterangan mengapa di dalam surat jawapan tidak diberi keterangan kepada pemohon itu, fasal apa dia tidak dapat kerakyatan.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah diberitahu sebab-sebab tidak dapat kerakyatan. Itu intisari daripada soalnya.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Saya telahpun menjawab sebab-sebab yang kita perlu untuk mengambil masa panjang ataupun pendek tentang kelulusan permohonan ini dan boleh atau tidak memberi keterangan itu, Kerajaan sentiasalah memberi keterangan tiap-tiap satu permohonan yang ditimbang atau tidak ditimbang dan terpulang kepada budi bicara Kerajaan juga untuk memberi keterangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1979

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 dan Anggaran Pembangunan, 1979 dalam Jawatankuasa sebuah Majlis (16hb November, 1978).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar menyambung ucapannya semalam, bagaimana yang saya telah janjikan, saya suka memaklumkan iaitu dengan permintaan Yang Berhormat Menteri Pelajaran dengan sebab

beliau akan ditugaskan keluar Kuala Lumpur ini pada pertengahan minggu hadapan, jadi diminta supaya Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pelajaran di bawah Belanja Mengurus B.29 dan Perbelanjaan P.29 dapat ditimbang pada hari Isnin atau Selasa yakni permintaan selepas daripada Kementerian Perusahaan Utama. Saya memaklumkan di sini supaya Ahli-ahli Yang Berhormat boleh bersedia berkenaan ini dan masanya bergantung kepada berapa lama Majlis ini membincangkan dan meluluskan Kementerian Perusahaan Utama, sekiranya selesai sebelum pukul 6.30 hari ini, iaitu saya akan minta juga Ahli Yang Berhormat Menteri Pertanian mengemukakan anggaran perbelanjaannya dan hendaklah ditamatkan pada hari Isnin supaya pada hari Selasa mulalah membincangkan anggaran perbelanjaan Kementerian Pelajaran. Jadi kalau selesai hari ini, maka hari Isnin akan dimulakan membahaskan anggaran perbelanjaan Kementerian Pelajaran. Sekiranya Kementerian Perusahaan Utama ini selesai pada pukul 6.30 petang hari ini. Dan saya juga menerima surat-surat rayuan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bercakap lagi dalam membincangkan Kementerian Wilayah Persekutuan ini kerana semalam tak ada peluang berucap, ada yang uzur syarii hendak berjumpa doktor dan ada yang kerana sebab-sebab yang lain. Jadi saya sudah putuskan semalam, selepas daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, maka Setiausaha Parlimen akan menjawab.

Tuan V. David: Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap, kerana kami datang daripada Wilayah Persekutuan, tetapi kami tidak ada peluang berucap dalam Parlimen.

Tuan Pengerusi: Mengapa tidak tunggu semalam?

Tuan V. David: Saya nampak ramai orang

Tuan Pengerusi: Itu soal lain, saya bila nampak tak ada sesiapa bangun melainkan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, dia seorang sahaja. Sebab itu bukannya hak bila sekali bangun itu mesti dapat bercakap, tidak ada. Mana yang saya nampak, itulah saya benarkan bercakap. Dan saya ada kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat

66 (4) menetapkan masanya. Sekarang ada 22 Kementerian yang hendak diselesaikan dalam masa 16 hari. Ini saya pilihlah Kementerian mana yang penting saya benarkan lama sedikit.

Tuan V. David: Tuan Pengerusi, saya merayu juga.

Tuan Pengerusi: Tak ada majlis rayuan di sini. Sekarang dijemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

Maksud B.22 (Jadual)—

Maksud P.22 (Anggaran Pembangunan, 1979)—

3.35 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, untuk meneruskan ucapan saya atas Maksud B.22 Butiran 1100, di bawah Aktiviti (1) Pentadbiran Am saya menyatakan di sini bahawa Kementerian berkenaan patut merancang mengikut projek-projek priority. Dalam hubungan ini saya berpendapat bahawa keutamaan patut diberi kepada projek-projek yang berikut.

- (1) Mempercepatkan pembinaan rumah-rumah pangsa dan rumah-rumah kos rendah untuk mengatasi masalah kekurangan rumah yang kian meningkat;
- (2) Perbaiki kemudahan-kemudahan asas untuk kampung-kampung termasuk kampung-kampung baru, kawasan-kawasan setinggan yang ujud sekarang, dengan memperuntukkan lebih "stand-pipe", letrik dan keadaan yang bersih dalam persekitaran kampung-kampung baru dan kawasan setinggan.
- (3) Pengenalan satu rancangan kilat atau "crash programme" untuk mencegah kawasan-kawasan rendah daripada dilanda banjir dengan perbaikan sistem pengaliran air atau drainage system dalam bandaraya kita;
- (4) Pembukaan lebih tempat yang sesuai untuk dijadikan tapak berjaja sebagai salah satu langkah untuk mengurangkan kadar pengangguran dan serta memberikan lebih banyak

peluang kepada golongan berpendapatan rendah untuk mencari nafkah; dan

- (5) Pengenalan satu Pelan Induk untuk Wilayah Persekutuan untuk membimbing perkembangannya, termasuk cara-cara positif dan berkesan yang perlu diambil untuk mengatasi masalah kesesakan lalu-lintas dan memperbaiki sistem pengangkutan awam di bandaraya kita.

Seperti yang dikatakan oleh saya tadi, penubuhan satu Kementerian asing untuk menyelesaikan berbagai-bagai masalah dalam Wilayah adalah satu langkah yang betul dan wajar, dan tidak dapat dinafikan bahawa penubuhan Kementerian yang berkenaan akan membawa harapan-harapan yang tinggi di kalangan orang ramai.

Tuan Pengerusi, adalah jadi harapan saya bahawa Kementerian yang berkenaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan dapat menentukan bahawa ia akan berusaha dengan cergas dan dedikasi untuk menunaikan harapan-harapan dan aspirasi-aspirasi penduduk-penduduknya.

Memandangkan bahawa Bahagian Pentadbiran juga bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berhubung dengan akhbar dan perhubungan awam, saya ingin juga mengesyorkan di sini bahawa satu Biro Pengaduan Khas patut ditubuhkan dalam Kementerian ini untuk membolehkan orang ramai membuat aduan-aduan mengenai masalah-masalah pentadbiran. Di samping ini, satu Peti Cadangan harus diadakan untuk membolehkan orang ramai menyampaikan cadangan-cadangan mereka mengenai perkara-perkara memperbaiki lagi pentadbiran juga. Saya berpendapat bahawa kedua cadangan saya ini adalah perlu memandangkan begitu banyak masalah yang timbul setiap hari di Kuala Lumpur dan bandaraya kita ini. Sekiranya syor ini dapat dilaksanakan, saya percaya ini ialah salah satu cara yang berkesan untuk merapatkan perhubungan di antara rakyat dengan pihak Pentadbir.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa Bahagian Pentadbiran Am mengandungi satu

bahagian penyelidikan dan perancangan yang bertanggungjawab atas semua perkara mengenai kerja-kerja penyelidikan termasuk pengumpulan data-data demografi, kemudahan-kemudahan dan kebajikan setinggan, penjaja-penjaja dan lain-lain penduduk.

Mengenai kemudahan-kemudahan dan kebajikan penjaja-penjaja, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan kepada beberapa kesulitan yang dialami oleh penjaja-penjaja di Kuala Lumpur akibat kempen kebersihan yang telah dilancarkan baru-baru ini.

Suka saya menjelaskan di sini bahawa bukan saya, atau sesiapaupun, yang mahu membantah kempen kebersihan. Sebaliknya, saya yang mula-mula menyokong kempen itu yang dilancarkan oleh pihak Dewan Bandaraya bukan sahaja dengan kata-kata tetapi saya telah membuat satu contoh dengan menentuai ahli-ahli Persatuan Penjaja-penjaja melancarkan satu kempen "gotong royong" di Jalan Petaling, Kuala Lumpur pada minggu yang lepas.

Tetapi apa yang saya mahu menyentuh di sini ialah aduan-aduan yang diterima oleh saya baru-baru ini bahawa di dalam proses menguatkuasa undang-undang kebersihan, terdapat kes-kes yang mana penjaja-penjaja dikehendaki merobohkan gerai-gerai mereka sungguhpun mereka berlesen atas alasan-alasan kebersihan dan juga terdapat kes di mana penjaja-penjaja dihalau dari satu tempat ke lain tempat oleh kerana berniaga tanpa lesen. Saya berpendapat masalah seperti ini tidak akan timbul sekiranya terdapat satu jentera yang membolehkan wakil-wakil rakyat dan wakil-wakil persatuan penjaja berdialog dengan pihak berkuasa untuk membincang masalah dan mencari jalan untuk mengatasinya. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa Yunit Penjaja-penjaja dan Pelesenan telah membuat banyak pada masa yang lepas untuk melesenkan ramai penjaja, tetapi usaha-usaha patut dijalankan lagi untuk memberikan lebih peluang kepada penjaja untuk mencari nafkah.

Memandangkan kepada ini, suka saya syorkan di sini bahawa jentera Jawatankuasa Penasihat Penjaja-penjaja atau Hawkers Advisory Committee digiatkan semula untuk

memberi kesempatan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk membincang masalah penjaja dan menyelesaikannya.

Ingin saya memberitahu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa Jawatankuasa Penasihat Penjaja telah ditubuhkan beberapa tahun yang lalu untuk membincang masalah penjaja di bandaraya kita, dan boleh dikatakan bahawa Jawatankuasa telah mencapai kejayaan yang besar. Tetapi dengan kesalnya, Jawatankuasa telah tidak bermesyuarat selama satu tahun, dan saya rasa ini tidak patut berlaku. Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan menggunakan jasa baiknya untuk memulihkan jentera itu sebagai satu cara untuk membantu pihak Dewan Bandaraya untuk mengatasi masalah penjaja di bandaraya kita.

Berkaitan dengan kemudahan-kemudahan untuk setinggan, saya harap pihak berkuasa akan dapat membekalkan lebih banyak kemudahan-kemudahan asas seperti "stand pipes" bekalan letrik, jalan-jalan tar, tong-tong sampah, kemudahan kesihatan dan lain-lain yang perlu untuk semua kawasan-kawasan setinggan yang ujud sekarang.

Di sini saya suka menyentuh khasnya tentang bekalan air dan saya harap bahawa Kerajaan dapat melaksanakan janji yang dibuat oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dalam Dewan ini pada masa soal jawab bahawa Dewan Bandaraya akan menambahkan bilangan stand pipe supaya satu stand pipe kepada 100 keluarga diturunkan kepada 1 stand pipe kepada 20 keluarga.

Atas perkara Pentadbiran juga, suka saya cadangkan di sini bahawa semua Ahli-ahli Parlimen dalam Wilayah Persekutuan hendaklah dan patutlah diberi layanan keutamaan oleh semua Jabatan-jabatan Dewan Bandaraya apabila mereka menyampaikan masalah bagi pihak rakyat mereka kepada jabatan-jabatan berkenaan. Bukanlah tujuan saya untuk meminta layanan khas atau special treatment, tetapi memandangkan bahawa mereka ialah wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat untuk berkhidmat kepada rakyat, saya berpendapat bahawa permintaan-permintaan mereka yang dibuat

kepada Dewan Bandaraya bagi pihak penduduk-penduduk mereka dapat diberi layanan keutamaan dari segi pertimbangan dan penyelesaian dari pihak Jabatan-jabatan yang berkenaan di Dewan Bandaraya.

Saya membuat syor ini oleh kerana mengikut pengalaman saya sendiri, beberapa permintaan yang saya sampaikan kepada Pejabat Penyelarasan dan Pembangunan mengenai projek-projek bekalan air dan letrik belum dijawab sehingga hari ini sungguhpun permintaan-permintaan itu telah dibuat enam bulan yang lebih. Akibatnya, saya menghadapi kesusahan apabila saya dihubung oleh penduduk-penduduk yang hendak memohon projek-projek itu.

Tetapi sebagai seorang Wakil Rakyat yang bertanggungjawab, saya rasa ada perlu bagi saya mencatatkan dalam rekod Dewan ini bahawa saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Dewan Bandaraya khususnya kepada Datuk Bandar dan pegawai-pegawai kanannya yang telah memberi kerjasama kepada saya pada masa yang lepas.

Tuan Pengerusi, saya yakin bahawa sekiranya terdapat satu arahan kepada semua Jabatan-jabatan dalam Dewan Bandaraya supaya permintaan daripada Wakil-wakil Rakyat dalam Wilayah dapat diberi layanan keutamaan, saya rasa kami semua Ahli-ahli Parlimen dalam Wilayah dapat berkhidmat kepada rakyat dengan lebih berhasil.

Atas perkara pentadbiran juga, saya suka bercadang bahawa oleh kerana lima orang co-ordinator untuk lima kawasan-kawasan Parlimen telah dilantik, saya cadangkan nama mereka diumumkan supaya orang ramai dapat berhubung terus dengan mereka mengenai masalah pentadbiran.

Tuan Pengerusi, sekarang saya merujuk sedikit mengenai Maksud B.22 muka surat B.3, Aktiviti (3) mengenai Pentadbiran Tanah Wilayah Persekutuan, mengenai perkara ini ingin saya menarik perhatian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan terhadap masalah yang selalu disampaikan kepada perhatian saya berkaitan dengan kesusahan yang dihadapi oleh pemaju-pemaju perumahan dan penghuni-penghuni rumah mengenai perkara penukaran tanah,

permohonan Subdivision dan perkara-perkara lain yang diuruskan oleh Pejabat yang berkenaan.

Aduan-aduan biasa ialah proses menguruskan permohonan penukaran tanah dan subdivision oleh Pejabat Tanah yang berkenaan mengambil masa yang amat panjang dan luar dari biasa.

Juga saya ingin menyentuh mengenai masalah proses pengambilan tanah atau dalam bahasa Inggeris process of land acquisition yang sedang diuruskan oleh Jabatan Tanah yang berkenaan. Langkah-langkah yang sedang diambil oleh Jabatan Tanah untuk memproses permohonan pengambilan tanah amatlah panjang dan lama dan ini telah menimbulkan masalah untuk perlaksanaan projek-projek yang tertentu di bandaraya kita. Saya harap dalam proses perlaksanaan projek-projek di bandaraya kita, Jabatan Tanah akan memberi kerjasama yang penuh kepada Dewan Bandaraya dan mempercepatkan permohonan untuk mengambil tanah atau land acquisition untuk projek-projek pembangunan. Memandangkan perkara-perkara tersebut saya harap bahawa Setiausaha Parlimen berkenaan akan mengambil perhatian dan dapat berunding dengan Pejabat Tanah yang berkenaan dengan tujuan untuk memperbaiki dan untuk melicinkan lagi supaya perkhidmatan yang memuaskan dapat diberi kepada orang ramai oleh Jabatan Tanah yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada Maksud P.22 mengenai Perumahan Awam Wilayah Persekutuan. Tuan Pengerusi, pada masa yang lampau banyak telah dipercakapkan oleh saya mengenai masalah perumahan awam di Kuala Lumpur dan saya harap bahawa dengan rancangan-rancangan yang telah diumumkan diharap rancangan-rancangan tersebut dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin oleh kerana masalah kekurangan rumah pangsa yang sangat teruk dan saya harap dengan langkah-langkah yang akan diambil masalah ini dapat diatasi dengan secepatnya.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh mengenai Butiran 2 Pengawasan Penempatan Setinggalan-setinggalan di Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, saya amat sedar bahawa salah satu sebab yang melambatkan pelaksanaan skim perumahan awam kos rendah Dewan Bandaraya ialah masalah yang timbul mengenai penempatan setinggan-setinggan.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa setinggan-setinggan perlu ditempatkan semula apabila pihak Dewan Bandaraya hendak mengambil balik tapak tanah untuk mendirikan rumah-rumah pangsa atau rumah-rumah kos rendah.

Dalam hubungan ini, saya menyokong skim rumah panjang atau "long house" yang dicadangkan oleh Dewan Bandaraya, dan saya harap lebih banyak rumah panjang yang bermutu tinggi dapat dibina sebagai "transit quarters" atau tempat duduk sementara untuk menempatkan semula setinggan-setinggan yang terpaksa diusir oleh kerana projek-projek perumahan.

Apa yang saya harapkan ialah sungguh pun rumah panjang ini ialah tempat tinggal sementara, akan tetapi saya menggesa pihak yang berkenaan untuk menentukan bahawa rumah panjang ini dibina mengikut standard-standard yang memuaskan serta kemudahan-kemudahan asas seperti air dan letrik dapat dibekalkan.

Mengenai perkara penempatan semula setinggan, saya suka memuji langkah yang telah diambil oleh Dewan Bandaraya sekarang untuk menjalankan satu banci supaya butir-butir mengenai berapa buah setinggan dan berapa ramai keluarga dapat diperolehi dengan tujuan membantu pihak berkuasa merancang untuk masa depan.

Atas perkara yang sama, saya ingin membuat satu cadangan di sini dan ini ialah selain dari mencari tempat kediaman untuk menempatkan semula setinggan saya harap bahawa pentadbiran Dewan Bandaraya dapat menyelaras dengan Pejabat Tanah dengan tujuan mencari tempat atau tapak yang membolehkan setinggan yang terlibat meneruskan penghidupan mereka. Ini adalah perlu oleh kerana terdapat ramai setinggan di Wilayah Persekutuan yang bergantung kepada tanah untuk mencari nafkah, misalnya mereka yang menjalankan "cottage industries."

Saya harap bahawa atas kepentingan penghidupan setinggan-setinggan itu yang bergantung kepada tanah untuk mencari nafkah, Dewan Bandaraya dapat menyelaras dengan Pejabat Tanah dan mendapat kerjasama dan bantuan daripada mereka untuk mencari satu penyelesaian yang benar-benar berkeperimanusiaan untuk setinggan-setinggan itu.

Sekarang saya merujuk sedikit kepada Butiran 3—Standpipes-standpipes dan Jamban Curah di Wilayah Persekutuan. Atas aktiviti ini saya harap bahawa Dewan Bandaraya dapat mengadakan peruntukan yang lebih pada tahun yang akan datang supaya lebih banyak standpipes-standpipes dapat dibekalkan di tempat-tempat seperti kawasan-kawasan setinggan yang memerlukannya.

Sekarang saya merujuk kepada Butiran 11—Bangunan Dewan Bandaraya, Pembinaan satu Bangunan Dewan Bandaraya yang menyatukan semua Jabatan-jabatan di satu tempat adalah sangat perlu. Saya menyokong projek ini dan saya berharap bangunan ini dapat siap tidak lama lagi untuk kepentingan orang ramai. Pada masa kini banyak kesusahan (inconvenience) telah timbul oleh kerana jabatan-jabatan Bandaraya ditempatkan di beberapa tempat di Kuala Lumpur, dan ini membawa kesusahan kepada orang ramai dalam perkara perhubungan.

Merujuk kepada Butiran 17—Pelan Induk Saluran Najis. Saya suka menyampaikan pujian saya kepada Pelan Induk Saluran Najis yang sedang dijalankan dan saya harap dengan perlaksanaannya, tempat-tempat yang belum menikmati sistem saluran najis boleh mendapatinya.

Mengenai Butiran 14—Pejabat-pejabat Cawangan Bandaraya. Di sini saya ingin mengesyorkan supaya satu Pejabat-pejabat Cawangan Bandaraya dapat dibina di kawasan Sungei Besi supaya orang-orang atau penduduk-penduduk yang hendak mendapat perkhidmatan Dewan Bandaraya boleh berhubung dengan pejabat itu untuk menyampaikan aduan-aduan dan permintaan-permintaan mereka.

Satu perkara akhir yang saya ingin menyentuh di sini ialah Butiran 16—Pasar Borong, Utara dan Selatan. Mengenai perkara

ini, saya harap juga bahawa pihak Dewan Bandaraya dapat selalu menjaga keadaan kebersihan di dalam pasar-pasar yang berkenaan. Oleh sebab pada masa yang lepas dan juga sehingga hari ini saya nampak bahawa dikebanyakan pasar-pasar yang ada dalam Bandaraya kita adalah dalam keadaan sangat kotor dan saya harap bahawa Dewan Bandaraya dapat menambahkan kakitangan yang cukup untuk menjaga kebersihan semua pasar-pasar dalam Bandaraya kita.

3.55 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan semasa perbahasan atas peruntukan Kementerian Wilayah Persekutuan di bawah Maksud B.22 dan P.22. Kementerian Wilayah Persekutuan akan memberi perhatian dan pertimbangan kepada teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang telah dibuat itu dan di mana didapati baik dan sesuai akan diterima untuk memperbaiki mutu perkhidmatan dan tugas Kementerian Wilayah Persekutuan dan Jabatan-jabatan di bawahnya.

Walaupun begitu ada beberapa perkara penting yang telah ditimbulkan dalam perbahasan ini yang saya fikir boleh diberi jawapan sekarang juga.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah membangkitkan perkara-perkara yang berhubung dengan keadaan setinggan-setinggan yang menduduki kawasan-kawasan buruk yang tidak memuaskan dan kurang pula kemudahan-kemudahan. Perkara ini juga telah ditimbulkan baharu-baharu ini oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Dan dengan itu Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah menggesa supaya kawasan-kawasan itu diperbaiki dan rumah-rumah pangsa didirikan di atasnya untuk diberikan kepada setinggan-setinggan atas dasar keutamaan.

Bagi menjawabnya, sukaiah saya memaklumkan bahawa memanglah kawasan-kawasan di mana terdapat rumah-rumah

setinggan itu adalah kawasan buruk, sebab pemindahan rumah-rumah memang tidak terkawal, walaupun begitu halnya tindakan-tindakan telah dan sedang diambil untuk memperbaiki kawasan-kawasan tersebut melalui beberapa tindakan seperti menyediakan bekalan air melalui standpipes, membina jalan-jalan masuk ke dalam kawasan itu, memberi perkhidmatan kesihatan seperti anti-demam denggi, dan anti-malaria, membina Balairaya-balairaya dan juga memberi tempat-tempat yang sesuai memberi bekalan api.

Bagi setengah-setengah kawasan setinggan yang telah lama wujud dan sesuai pula Dewan Bandaraya telah menjalankan skim bagi memperbaiki keadaan setinggan (squatters upgrading) dengan cara memberi atau menyediakan infrastruktur yang lebih sempurna. Kawasan-kawasan dalam tanah Kerajaan yang diduduki oleh setinggan-setinggan memang telah banyak dipilih bagi dijadikan tapak-tapak rumah murah dan rumah-rumah murah yang didirikan di atasnya adalah diberi kepada setinggan-setinggan atas dasar keutamaan dan pada masa sekarang mengikut rekod yang ada di Dewan Bandaraya hampir 65% dari rumah-rumah murah semua jenis telah diberikan kepada setinggan-setinggan.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga supaya kemudahan-kemudahan asas yang lain diberikan kepada setinggan-setinggan dan memperbaiki kawasan-kawasan yang buruk, sukaiah saya menyatakan bahawa sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Wilayah Persekutuan baharu-baharu ini sebanyak \$18 juta telahpun diperuntukkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan gunanya untuk dibelanjakan bagi menjalankan projek-projek yang dapat memenuhi kehendak-kehendak itu termasuk membekalkan kemudahan-kemudahan termasuk mengadakan program-program supaya mengawal perparitan (irrigation) ertinya mengadakan rancangan-rancangan untuk mengelakkan berlakunya banjir.

Perkara-perkara lain yang berhubung dengan pembangunan peniaga-peniaga kecil (hawkers development) dan juga yang

berhubung dengan penduduk-penduduk dalam Wilayah Persekutuan yang berpendapatan rendah, jadi peruntukan sebanyak \$18 juta yang telah diberi kepada Kementerian Wilayah Persekutuan baharu-baharu ini adalah memang untuk dibelanjakan bagi rancangan-rancangan seumpama itu mulai dari sekarang hingga tahun 1980.

Berhubung dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Tumpat juga supaya didirikan jambatan-jambatan lintas dan diadakan Warden-warden Trafik, memanglah Bandaraya akan mendirikan 7 buah lagi jambatan lintas di tempat-tempat yang strategic dan Warden-warden Trafik akan memang diperintahkan supaya menguatkuasakan penggunaan jambatan-jambatan ini dan pada masa sekarang 15 orang Warden Trafik ditempatkan di semua jambatan ini pada setiap masa bagi menjamin orang awam akan menggunakan sepenuhnya.

Berhubung dengan cadangan supaya pasar borong itu didirikan di luar daripada Kuala Lumpur, memanglah cadangan sekarang ini ialah supaya satu pasar borong akan didirikan di luar dari pusat bandar iaitu di bahagian utara Wilayah Persekutuan dan dengan itu akan mengurangkan kesesakan lalu-lintas oleh sebab lori-lori besar tidak perlu lagi masuk ke pusat bandar seperti yang berlaku sekarang ini.

Berhubung dengan segala pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang panjang lebar yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, sayapun tidak sempat hendak mencatat kerana sangat cepat dan saya bukannya Stenographer tetapi yang dapat saya simpulkan bahawa segala teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang berhubung dengan sokongannya terhadap penubuhan Kementerian Wilayah Persekutuan itu, saya mengucapkan berbilang terima kasih. Tentang teguran-teguran yang lain yang boleh saya simpulkan ialah yang pertama berhubung dengan perlunya dipercepatkan program menambahkan bilangan rumah-rumah murah terutama memperbaiki kedudukan setinggan-setinggan dan memberikan kemudahan-kemudahan asas kepada mereka dan juga memberi rumah-rumah murah kepada mereka, asas-asas keutamaan, menjaga

kepentingan peniaga-peniaga kecil (hawkers) supaya dalam apa-apa gerakan tindakan yang dibuat oleh Bandaraya umpamanya dalam gerakan membersihkan bandar itu, kedudukan mereka, penjualan mereka itu tidak terganggu, dan juga di samping itu mengadakan kemudahan-kemudahan seperti mengadakan katanya macam Biro Pengaduan Awam juga untuk membantu orang ramai supaya mereka itu dapat membuat aduan apabila sahaja mereka perlu membuat pengaduan kepada Dewan Bandaraya dan memperbanyakkan lagi standpipes. Jadi sukalah saya beri jawapan sebagai kesimpulan kepada segala teguran dan pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, iaitu apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menubuhkan Kementerian Wilayah Persekutuan cadangan itu telah dibuat dengan penuh kesedaran bahawasanya di Wilayah Persekutuan ini memang banyak masalah yang dihadapi bukan sahaja yang dihadapi oleh mereka-mereka yang berpendapatan tinggi, bukan sahaja yang dihadapi oleh peniaga-peniaga dan pemaju-pemaju tetapi juga yang dihadapi oleh setinggan-setinggan terutama sekali dan juga mereka-mereka yang berpendapatan rendah dan masalah-masalah ini memang disadari sebagai masalah-masalah yang unique yang perlu diberi perhatian yang sesungguhnya, yang serius supaya masalah-masalah itu dapat diselesaikan sesuai dengan perkembangan dan kemajuan Wilayah Persekutuan yang menjadi ibukota negara Malaysia ini, yang menjadi pusat perdagangan dan pusat kebudayaan bagi negara kita.

Saya beranilah memberi jaminan bahawasanya penubuhan Kementerian Wilayah Persekutuan itu bukanlah sekali-kali berupa melepaskan batuk di tangga jika ditinjau dari aspirasi penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan. Adalah menjadi hasrat matlamat Kerajaan sekarang yang berjiwa rakyat untuk menjalankan segala projek dan program dengan sedaya upaya yang ada padanya dan program-program itu bukanlah khusus kepada mereka yang berada tetapi program-program itu akan juga dilaksanakan bagi mereka-mereka yang kurang berada.

Atas teguran-teguran yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dan pandangan-pandangannya sebagaimana yang

saya beri jaminan di mana didapati baik dan sesuai yang akan diterima diincorporate dan diintegratekan kepada segala rancangan dan program yang sedang dijalankan ini, istimewa memandang bahawa Pelan Induk bagi Kuala Lumpur Bandar sekarang ini dalam peringkat persediaan. Jadi segala idea-idea baru yang difikirkan boleh dilaksanakan bagi kebaikan penduduk-penduduk dalam Wilayah Persekutuan dan bagi kemajuan Wilayah Persekutuan ini akan tentu diterima oleh semua pihak.

Satu perkara lagi berhubung dengan layanan yang elok diberikan, keutamaan diberikan kepada rayuan-rayuan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari kawasan-kawasan dalam Wilayah Persekutuan, memanglah Kerajaan melalui Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya, Pejabat Tanah memang mengakui dan menyedari hakikat bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat adalah Wakil-wakil Rakyat. Dengan itu sudah sememangnya segala tuntutan, segala rayuan dan aduan yang dibuat adalah diberi keutamaan. Jika sekiranya terdapat kelewatan dalam membawa penyelesaian kepada apa yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu maka saya harap Ahli Yang Berhormat akan menganggap bahawa masa diperlukan sedikit oleh pihak yang berkenaan untuk mengkaji dan membuat apa-apa yang difikirkan perlu kerana tidak semuanya boleh diberi jawapan dan boleh dilaksanakan serta merta seperti kilat. Tetapi satu assurance saya boleh beri kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa apa sekalipun yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada dari parti Kerajaan atau parti Pembangkang kepada Dewan Bandaraya dan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan adalah diberi perhatian yang berat kerana apa yang mereka buat itu kami menganggap sebagai mewakili aspirasi rakyat.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Arau dan Kangar, saya suka mengucapkan sebanyak terima kasih kerana telah menunjukkan perhatian membina terhadap Jabatan Ugama Islam Wilayah Persekutuan melalui teguran-teguran yang telah mereka berikan. Bagi menjawab keseluruhan teguran-teguran yang mereka berikan itu dan bagi menjimatkan masa, Tuan Pengerusi, berhubung dengan Jabatan ini terutama seperti menambahkan peruntukan kewangan,

memperkemaskan pentadbirannya serta unit-unit Jabatan seperti Unit Zakat Fitrah dan Baitulmal serta juga memperkemaskan pentadbiran Mahkamah Syariah, sukalah saya memberi jawapan umum yang meliputi semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu.

Kerajaan memanglah memberi perhatian yang berat kepada perkembangan dan kemajuan Jabatan Ugama Islam Wilayah Persekutuan, dan dengan itu akan menambah peruntukan dan kakitanganya dari semasa ke semasa. Pada masa sekarang tindakan sedang diambil untuk menggubal dan mengemaskan lagi Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak bagi Wilayah Persekutuan. Apabila Undang-undang ini siap digubal dan diluluskan maka pentadbiran di Mahkamah Syariah tentulah lebih tersusun dan dapat dilaksanakan dengan lebih licin.

Rancangan mengadakan peguam-peguam Syariah sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Arau sedang diberi kajian oleh Kerajaan. Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan Ugama Islam seluruh Malaysia yang berlangsung di Sabah baru-baru ini telahpun menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas bagi mengkaji lebih dalam lagi rancangan mengadakan peguam-peguam Syariah ini. Di samping itu Majlis Ugama Islam telah juga menubuhkan sebuah Jawatankuasa bagi menggubal Undang-undang mengenai Pentadbiran Baitulmal. Undang-undang yang sedang dalam penggubalan itu akan juga mengandungi Undang-undang yang lengkap mengenai zakat. Apabila Undang-undang ini diluluskan masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu insya Allah akan dapat diatasi. Di samping itu beberapa jawatan telah diwujudkan juga untuk tahun 1979 bagi memperbaiki lagi pentadbiran Unit Baitulmal.

Tentang Sekolah Ugama Islam yang khusus ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau, sukalah saya memaklumkan bahawa sekolah-sekolah ugama yang dirancang oleh Jabatan Ugama Islam Wilayah Persekutuan adalah sekolah-sekolah Rendah Ugama yang bertujuan memberi asas pelajaran ugama kepada kanak-kanak. Walau bagaimanapun, perkara berhubung dengan pelaksanaan pelajaran ugama Islam dalam

Wilayah Persekutuan, perkara ini telahpun dirundingkan dengan Kementerian Pelajaran untuk perlaksanaan olehnya.

Berhubung dengan teguran mengenai kesesakan lalu-lintas dan sistem pengangkutan awam yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam, saya suka memaklumkan perkara ini telah diberi pertimbangan dalam perancangan Pelan Induk Kuala Lumpur yang sedang dalam peringkat persediaan sekarang ini. Maklumat-maklumat yang berhubung dengan perkara-perkara ini telahpun saya berikan dengan mendalam juga apabila memberi jawapan kepada Soalan Mulut beberapa hari dahulu dan untuk menjimatkan masa tidaklah saya ingin mengulangkan lagi maklumat-maklumat itu. Kalau Ahli Yang Berhormat ingin mendapatnya, akan dapat diberikan dengan pos.

Berhubung dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kangar yang meminta supaya diadakan tanah-tanah rizab untuk orang Melayu di Wilayah ini, memanglah ada kawasan-kawasan simpanan untuk orang Melayu umpamanya Sungai Penchala, Gombak, Selayang dan Segambut dan di samping itu terdapat juga kawasan-kawasan Melayu seperti Kampung Bahru, Kampung Datuk Keramat, Kampung Pandan dan Kampung Sungai Midah.

Tuan Pengerusi, setakat inilah pada saya berikan jawapan saya kepada segala teguran dan pandangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan mengenai peruntukan Kementerian Wilayah Persekutuan. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan saya memberi jaminan bahawasanya segala pandangan dan teguran itu akan diperhatikan dan akan dikaji serta dipertimbangkan dan di mana difikirkan sesuai dan baik pula dan tentu menjamin bagi meninggikan mutu perkhidmatan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Jabatan-jabatannya kepada penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan, maka ia akan diterima dan dilaksanakan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,741,900 untuk Maksud B.22 diperintahkan jadi sebahagian daripada

Jadual; dan wang sebanyak \$123,449,030 untuk Maksud P.22 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1979.

Maksud B.23 (Jadual)—

Maksud P.23 (Anggaran Pembangunan, 1979)—

4.12 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik): Tuan Pengerusi, saya mohon izin supaya peruntukan-peruntukan bagi Kementerian Perusahaan Utama iaitu peruntukan Belanja mengurus sebanyak \$22,718,600 di bawah Maksud Bekalan B.23 dan Peruntukan Belanja Pembangunan di bawah Maksud Pembangunan P.23 sebanyak \$20,411,220 yang kesemuanya berjumlah \$43,129,820 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual kepada Rang Undang-undang Perbekalan 1979.

Tuan Pengerusi, matlamat utama Kementerian saya ialah meninggikan pendapatan negara daripada punca eksport bahan-bahan utama dan melaksanakan dasar pengeluaran yang sesuai lagi teratur bagi memperbaiki keupayaan pengeluaran serta meninggikan lagi mutu dan mempelbagaikan kegunaan bahan-bahan utama. Bagi mencapai matlamat ini berbagai aktiviti dan program disusun serta dilaksanakan sama ada secara langsung oleh Kementerian ataupun melalui jabatan dan agensi di bawahnya. Usaha-usaha ke arah ini bukan sahaja tertumpu kepada kegiatan-kegiatan dalam negeri malah Kementerian saya terlibat secara langsung dalam persidangan-persidangan antarabangsa yang bertujuan menstabilkan pasaran serta harga barangan utama. Contohnya ialah penglibatan Kementerian saya dalam usaha-usaha ke arah penubuhan Tabung Bersama untuk membiayai sekim-sekim penstabilan bahan-bahan utama. Sungguhpun pada mulanya rundingan-rundingan tertangguh disebabkan keengganan banyak negara-negara maju untuk menimbang cadangan negara-negara membangun terutamanya mengenai struktur kewangan, tetapi pada ketika ini rundingan-rundingan tersebut telah disambung semula. Malaysia akan mengambil peranan yang penting di dalam rundingan-rundingan ini.

Kementerian saya juga terlibat dalam langkah-langkah bagi menstabilkan harga getah. Pada awal tahun ini negara-negara Malaysia, Indonesia, Thailand, Sri Lanka dan Singapura telah menubuhkan Majlis Getah Asli Antarabangsa ataupun International Natural Rubber Council (INRC) bagi mencapai matlamat di atas. Buat masa ini perjanjian INRC tersebut masih belum dikuatkuasakan memandangkan bahawa usaha bagi menstabilkan harga getah di bawah Rancangan Integrasi bagi Barangan (IPC), di bawah naungan UNCTAD adalah amat menggalakkan. Adalah diharapkan bahawa satu perjanjian akan dapat dicapai sebelum hujung tahun 1979.

Mengenai timah pula, Malaysia akan terus memainkan peranan yang aktif di dalam perundingan-perundingan Majlis Timah Antarabangsa bagi mendapatkan jarak harga (price range) yang berpatutan, selaras dengan peningkatan kos pengeluaran.

Dalam hubungan kerjasama serantau, Malaysia bersama-sama dengan anggota ASEAN yang lain sedang bergiat untuk mendapatkan negara-negara maju terutamanya Persatuan Ekonomi Eropah, Jepun dan Amerika Syarikat bagi mengujudkan Skim Penstabilan Pendapatan Ekspot atau STABEX untuk negara-negara ASEAN. Skim STABEX ini adalah saling bergantung dan lengkap-melengkapi dan bukan sebagai ganti kepada Tabung Bersama dan perjanjian-perjanjian barangan Antarabangsa.

Tuan Pengerusi, seperti yang telah saya katakan tadi, Kementerian saya tidak hanya menumpukan perhatian kepada kegiatan-kegiatan di luar negeri sahaja malah keutamaan yang lebih kalau tidak sama diberikan kepada usaha-usaha di dalam negeri ke arah memajukan bahan-bahan utama. Kerja-kerja persiapan terakhir sedang giat dijalankan oleh Kementerian ini untuk menubuhkan pasaran barangan utama di Malaysia. Adalah dijangka bahawa penubuhan fizikal pasaran barangan utama ini dapat dilaksanakan pada tahun hadapan apabila kerja-kerja persiapan dibereskan. Komoditi pertama yang akan diniagakan di dalam pasaran ini ialah minyak kelapa sawit, bersesuaian dengan kedudukannya sebagai

perusahaan yang sedang berkembang pesat di negara ini.

Sehubungan dengan ini Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Palm Oil Registration and Licensing Authority, PORLA) yang ditubuhkan dengan rasminya pada 16hb Mei, 1977, dijangkakan dapat memainkan peranan yang lebih aktif berkesan dan penting lagi dalam tahun 1979 dan seterusnya. Antara lain, PORLA akan memulakan kegiatan melesen kilang-kilang kelapa sawit, mentadbirkan kutipan ses dan mendaftarkan kontrak penjualan dan pembelian minyak kelapa sawit mentah antara pengeluaran dan penapis minyak kelapa sawit. Langkah-langkah ini dijangka dapat mengatasi masalah atau kerumitan yang timbul berikutan perkembangan pesat yang dialami oleh perusahaan ini sama ada di peringkat pengeluaran atau pemerosesan.

Usaha juga sedang diatur bagi menubuhkan Instituti Penyelidikan Kelapa Sawit Malaysia (PORIM). Rang Undang-undang untuk menguatkuasakan penubuhan Instituti ini akan dibentangkan dalam persidangan Parlimen tidak lama lagi. Satu Jawatankuasa Pengurusan Sementara telah ditubuhkan dan seorang Pengarah telahpun dilantik.

Sebuah Kanun Galian Negara yang bertujuan mensekukan dan menyalurkan undang-undang galian yang terdapat di negara ini sudah hampir siap digubal oleh Kementerian saya. Bagi mengatasi kegiatan-kegiatan penyeludupan pula, peraturan-peraturan Kawalan (Pemindahan Bijih Padat) Timah 1977 yang telah dikuatkuasakan sejak bulan November 1977 telah didapati berkesan. Kemajuan yang memuaskan juga telah dicapai di bidang penyelidikan dengan tertubuhnya Pusat Penyelidikan dan Kemajuan Timah Rantau Asia Tenggara di Ipoh. Pusat Penyelidikan ini telahpun mula menjalankan tugas-tugasnya yang berkaitan dengan penilaian potensi timah bagi meningkatkan lagi pengeluaran timah. Kementerian saya akan menubuhkan satu Jawatankuasa Penasihat Penyelidikan mengenai Timah dan lain-lain logam untuk menyalurkan usaha-usaha penyelidikan oleh Instituti Penyelidikan Galian dan pihak swasta.

Setelah menyentuh dengan secara am berkenaan dengan aktiviti Jabatan dan Lembaga di Kementerian, sekarang sukalah saya memberi sedikit sebanyak ulasan mengenai perkembangan 4 bahan utama yang penting dalam tahun 1978 apabila dibandingkan dengan kedudukannya dalam tahun yang lepas, dan juga untuk memberi panduan ke atas projeknya bagi tahun 1979.

(1) Getah

Pengeluaran getah bagi tujuh bulan pertama tahun 1978 adalah sebanyak 857,254 tan metrik berbanding dengan pengeluaran sebanyak 877,316 tan metrik pada masa yang sama dalam tahun 1977. Kemerosotan pengeluaran ini sebahagian besarnya disebabkan oleh musim kemarau disertai dengan musim gugur daun dalam bulan-bulan awal tahun 1978 ini. Kekurangan dalam pengeluaran ini telah juga mengakibatkan kejatuhan dalam eksport bahan ini daripada 962,743 metrik tan pada tujuh bulan pertama tahun 1977 kepada 905,283 metrik tan bagi tempoh yang sama tahun ini.

Bagaimanapun, harga purata getah bagi tujuh bulan pertama tahun ini telah naik kepada 216.22 sen sekilo, melebihi harga purata pada jangka waktu yang sama tahun lalu iaitu 200.33 sen sekilo. Ini disebabkan oleh minat membeli yang kuat di kalangan negara-negara Eropah Timur dan pasaran-pasaran tradisional utama serta keputusan Kerajaan Amerika Syarikat menambah stok simpanan getah aslinya. Kedudukan harga getah dalam tahun 1979 dijangka baik.

(2) Timah

Malaysia masih mengekalkan kedudukannya sebagai pengeluar utama di dunia. Jumlah pengeluaran timah bagi 6 bulan pertama tahun 1978 ialah 30,355 tan metrik, berbanding dengan 29,844 tan metrik dalam tempoh masa yang sama tahun 1977. Ini adalah satu peningkatan sebanyak 1.71%.

Harga purata timah dalam masa 8 bulan pertama tahun ini ialah \$1,664 sepikul. Harga yang paling tinggi pernah dicapai ialah \$2,085 sepikul dalam bulan November ini. Keadaan harga yang meninggi ini dijangka hanya berkekalan dalam jangkamasa yang sederhana sahaja.

Jumlah eksport bijih timah pula, untuk keseluruhan tahun 1978 dijangka meningkat kepada 68,000 tan metrik berbanding dengan 66,513 tan metrik dalam tahun 1977 kerana bertambahnya jumlah impot bijih-padat—timah terutama dari Australia untuk diproses dan diekspot semula.

(3) Minyak Kelapa Sawit

Pengeluaran minyak kelapa sawit bagi enam bulan pertama tahun 1978 ialah 674,200 tan metrik, berbanding dengan 799,900 tan metrik pada tempoh yang sama tahun lalu. Kemerosotan pengeluaran ini adalah disebabkan terutamanya oleh kesan kemarau panjang dalam tahun 1977.

Eksport minyak kelapa sawit juga bagi setengah tahun pertama tahun 1978 menunjukkan satu penurunan, daripada 662,600 tan metrik dalam 1977 kepada 645,200 tan metrik.

Harga minyak kelapa sawit CIF yang diperniagakan pula untuk setengah tahun pertama 1978 ialah sebanyak \$1,359 tiap-tiap satu tan metrik, berbanding dengan \$1,194 pada jangka waktu yang sama pada tahun 1977. Pertambahan sebanyak 13.8% ini disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama ialah kedudukan bekalan minyak kelapa sawit yang ketat akibat daripada kemarau dalam tahun 1976 dan 1977. Keduaanya ialah penambahan permintaan terutama sekali daripada negara India. Faktor lainnya ialah kekurangan dalam pengeluaran minyak sayur dan lemak lain yang tertentu.

(4) Balak dan Papan Gergaji

Pengeluaran kayu balak Malaysia dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1978 bertambah sebanyak 6% menjadi 13.5 juta meter padu disebabkan terutamanya jumlah impot kayu balak oleh Jepun yang tinggi dalam tempoh tersebut. Pengeluaran kayu gergaji dalam tahun 1978 ditaksirkan sebanyak 5.8 juta meter padu berbanding dengan 5.6 juta meter padu dalam tahun 1977, dengan sumbangan Semenanjung Malaysia sebanyak 90% dari jumlah pengeluaran.

Eksport kayu balak daripada Semenanjung Malaysia masih di bawah kawalan ketat dan

ini dilakukan melalui sistem kuota. Langkah ini diambil bagi memastikan bekalan kayu balak yang cukup bagi menampung keperluan kilang-kilang tempatan. Bagi enam bulan pertama tahun 1978, eksport papan lapis dan moulding telah naik manakala eksport kayu gergaji pula telah menunjukkan satu penurunan daripada kecapaian bagi tempoh yang sama dalam tahun 1977. Eksport kayu gergaji daripada Malaysia bagi separuh tahun pertama 1978 adalah sebanyak 1.37 juta meter padu dan merupakan penurunan sebanyak 16.6% daripada jumlah eksport bagi tempoh yang sama dalam tahun 1977. Jumlah eksport papan lapis bagi enam bulan pertama tahun ini pula telah meningkat kepada 206,047 meter padu dengan nilai \$96.49 juta. Pertambahan ini disebabkan oleh kurangnya eksport daripada Korea Selatan ke pasaran Eropah terutama sekali kesatuan ekonomi Eropah dan Timur Tengah.

Tuan Pengerusi, bagi mencapai matlamat-matlamat yang saya sebutkan tadi, Kementerian saya memerlukan Belanja Mengurus sebanyak \$22,718,600 di bawah Maksud Bekalan B.23. Anggaran ini bolehlah dipecahkan mengikut aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- (a) Pentadbiran Am dan Perkhidmatan Penyelidikan dan Perancangan sebanyak \$1,735,579
- (b) Kemajuan Perusahaan Barangan Utama sebanyak \$4,216,758
- (c) Perhutanan sebanyak \$6,999,400
- (d) Galian sebanyak \$3,390,344
- (e) Penyasatan Kajibumi sebanyak \$6,376,519

Jumlah Belanja Mengurus bagi tahun 1979 adalah melebihi peruntukan tahun 1978 sebanyak \$1,461,500 ataupun 6.9%. Daripada jumlah ini sebanyak 59.4% ataupun \$13,496,838 adalah diperuntukkan bagi pembayaran emolumen pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian dan jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini, sementara sebanyak \$4,969,730 ataupun 21.9% diperlukan untuk perkhidmatan dan bekalan. Sebanyak \$1,071,662 juga diperlukan untuk pemilikan harta modal. Bakinya berjumlah \$3,180,370 ataupun 13.9% adalah

dikehendaki untuk pemberian dan kenaan bayaran tetap. Ini termasuklah sumbangan-sumbangan kepada badan-badan antara-bangsa.

Belanja Pembangunan

Tuan Pengerusi, Anggaran Pembangunan yang diperlukan oleh Kementerian saya pada tahun 1979 ialah sebanyak \$20,411,220. Jumlah ini adalah kurang sebanyak \$45,689,315 daripada peruntukan tahun lalu disebabkan oleh penyusunan semula Kementerian-kementerian baru-baru ini di mana projek-projek rancangan tanaman semula getah kerajaan (bawah kelolaan RISDA; Penanaman semula getah Sarawak (bawah kelolaan Jabatan Pertanian, Sarawak) dan Penanaman semula Getah Sabah (bawah kelolaan Lembaga Tabung Getah Sabah), telahpun dipindahkan daripada kawalan Kementerian saya ke Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Aktiviti-aktiviti yang dibiayai daripada Belanja Pembangunan Kementerian saya adalah seperti berikut:

(a) Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Bhd. (MARDEC) ..	\$6,435,010
(b) Rancangan Penanaman Semula Nenas	\$2,602,360
(c) Lembaga Tembakau Negara ..	\$2,866,500
(d) Perhutanan Semenanjung Malaysia	\$5,083,100
(e) Perhutanan Sarawak	\$1,243,000
(f) Penyasatan Kajibumi Semenanjung	\$ 526,000
(g) Penyasatan Kajibumi Sarawak ..	\$1,046,000
(h) Penyasatan Kajibumi Sabah ..	\$ 255,000
(i) Galian	\$ 354,250
Jumlah ..	<u>\$20,411,220</u>

Keterangan ringkas mengenai projek-projek pembangunan adalah seperti berikut:

Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad (MARDEC)

Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad memerlukan peruntukan sebanyak \$6,435,010 dalam tahun 1979 bagi melaksanakan projek-projeknya. Daripada jumlah ini sebanyak \$5,085,000 akan digunakan bagi mendirikan 2 kilang baru SMR di Triang dan Lenggong sementara \$900,000 pula dikehendaki bagi

mengubahsuaikan kilang-kilang yang sedia ada di Kuala Pilah, Batu Kurau, Bota dan Durian Tunggal. Untuk membiayai program latihan kakitangannya pula MARDEC memerlukan \$450,000. Ini adalah bertujuan meninggikan lagi keupayaan kakitangannya dalam usaha memperbaiki perusahaan getah pada amnya.

Rancangan Penanaman Semula Nenas

Di bawah rancangan Malaysia Ketiga, Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu dijangka akan menanam semula seluas 18,000 ekar kebun-kebun nenas tua. Pencapaian setakat Ogos 1978 ialah 12,399 ekar ataupun 68.9% daripada matlamat Lembaga. Bagi tahun 1979, sebanyak \$2,018,500 adalah diperlukan oleh Lembaga ini bagi membiayai projek penanaman semula manakala \$583,860 pula dikehendaki sebagai belanja pengurusan yunit tanam semula di bawah Lembaga menjadikan jumlahnya \$2,602,360.

Lembaga Tembakau Negara

Lembaga Tembakau Negara memerlukan peruntukan sebanyak \$2,866,500 dalam tahun 1979 bagi membolehkan perlaksanaan aktiviti dan programnya. Dicapai jumlah ini \$2,100,000 akan digunakan untuk belanja pengurusan sementara \$766,500 pula untuk belanja pembangunannya. Antara lain, projek-projek yang akan dilaksanakan oleh Lembaga ialah pembinaan bangunan-bangunan pejabat cawangan kawasan di Kuala Trengganu dan Alor Star serta pejabat-pejabat cawangan mukim di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia.

Perhutanan Semenanjung Malaysia

Bagi membangun dan memajukan sektor perhutanan di negara kita, Kementerian saya berkehendakkan peruntukan sebanyak \$5,083,100. Jumlah ini adalah melebihi peruntukan tahun lalu sebanyak \$1,580,000 ataupun 45%. Pertambahan ini adalah disebabkan terutamanya oleh langkah-langkah serius yang telah dirancang bagi menghadapi masalah-masalah sebenar yang ujud sekarang ini. Kajian ke atas bekalan sumber kayu-kayan dalam Semenanjung Malaysia telah menunjukkan bahawa satu situasi kegentingan bekalan kayu-kayan akan

berlaku pada tahun sembilan puluhan sekiranya usaha-usaha tidak dijalankan secara agresif dan menyeluruh. Sekiranya catuan pembukaan kawasan membalak kira-kira sejuta ekar setahun diteruskan, maka pengeluaran kayu-kayan di Semenanjung Malaysia akan merosot dari 7 juta tan setahun kepada kira-kira 3.5 juta tan setahun pada tahun 1988. Bila ini berlaku, Semenanjung Malaysia akan menjadi pengimpot kayu-kayan menjelang tahun Sembilan puluhan. Keadaan ini akan menimbulkan kesan-kesan sosio-ekonomi yang buruk kepada negara.

Berdasarkan kepada situasi kegentingan bekalan kayu-kayan ini beberapa langkah penyelamatan hendaklah dijalankan. Keperluan ini dicerminkan dalam aktiviti-aktiviti pembangunan yang telah dirancang bagi tahun 1979. Perhatian yang berat diberikan kepada beberapa aspek seperti; pembangunan dan pengurusan sumber hutan yang cekap untuk mendatangkan faedah yang maksima kepada negara; menggalakkan penggunaan sumber kayu-kayan dengan sepenuhnya, terutama sekali daripada jenis yang kurang bermutu dan sisa-sisa kayu; membekalkan tenaga pekerja yang terlatih di semua peringkat; membantu kaum Bumiputra yang berminat di lapangan perhutanan dan seterusnya menyediakan infrastruktur yang lengkap di bidang penyelidikan dan pengurusan.

Perhutanan Sarawak

Di negeri Sarawak pula, sebanyak \$1,243,000 adalah diperlukan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan di bidang perhutanan. Dicapai jumlah ini, kira-kira \$158,000 adalah untuk memperolehi alat-alat kelengkapan tertentu sementara \$520,000 atau 41.8% pula dikehendaki untuk mendapatkan lain-lain kemudahan seperti pembinaan dan pengubahsuaian bangunan-bangunan. Baki sebanyak \$565,000 adalah untuk perbelanjaan-perbelanjaan yang bersangkutan dengan projek-projek tertentu seperti belanja perkhidmatan dan perjalanan.

Penyiasatan Kajibumi

Jumlah peruntukan yang diperlukan bagi tujuan penyiasatan Kajibumi dalam tahun

1979 ialah sebanyak \$1,827,000. Pecahan bagi jumlah ini adalah seperti berikut:

- (i) \$526,000 bagi Semenanjung Malaysia;
- (ii) \$1,046,000 bagi negeri Sarawak;
- (iii) \$255,000 bagi negeri Sabah.

Kerja-kerja yang dirancang bagi tahun 1979 termasuklah penyiataan lebih lanjut ke atas kemungkinan penemuan kawasan lombong-lombong timah dipinggir pantai Semenanjung Malaysia. Usaha ini adalah hasil daripada keputusan-keputusan yang menggalakkan daripada penyiataan awal dalam tahun 1976 di Selat Melaka.

Satu penyiataan megnetik bumi berhampiran Kota Tinggi yang diikuti dengan gerudi pada tahun ini mungkin membuktikan adanya kejadian bijih besi yang benar, sama dengan timbunan yang telah dijumpai di Pelépah Kanan yang berhampiran. Di Sarawak pula, timbunan bijih-bijih besi yang telah ditemui semasa penyiataan di Bukit Punda sedang digerudi dan penilaian terhadap 'ore body' untuk perlombongan akan selesai tahun depan. Dalam tahun 1979 juga Jabatan berkenaan berharap untuk mengkaji potensi emas-perak-antimoni, timah hitam serta zink di kawasan Bau, Sarawak di bawah program Kimiabuminya.

Mengenai explorasi air bawah tanah pula, Jabatan Penyiataan Kajibumi telah berjaya menjumpai air di paras "sub-surface" di Trengganu dengan keupayaan mengeluarkan 16,000 meter padu sehari di Kuala Trengganu dan 2,000 meter padu sehari di Kampung Besut, Trengganu. Explorasi di kawasan Pelabuhan Kuantan telah berjaya mengeluarkan 2 juta gelen air bawah tanah setahun dari "sub-surface aquifers". Kerja-kerja penyelidikan dan penyiataan seperti ini akan diteruskan lagi dalam tahun 1979 di Kelantan dan juga di beberapa wilayah seperti Balingian di Sarawak.

Penyiataan-penyiataan Kajibumi dan Kimiabumi di wilayah-wilayah Central Belt dengan kerjasama pasukan bantuan Canada akan diteruskan ke tahun 1979. Beberapa kawasan menarik yang mengandungi tanda-tanda tembaga, timah hitam, zink, dan galian-galian radioaktif telah diperhatikan. Tetapi ini belum bermakna bahawa kawasan

ini mempunyai prospek yang boleh dilombong. Kerja-kerja lanjut adalah perlu. Lain-lain aktiviti yang dijalankan ialah kejuruteraan kajibumi. Satu-satunya bidang kerja penting yang dilaksanakan melalui program ini ialah menjalankan penyiataan di kawasan yang mempunyai batu kapur sebagai "sub-surface bedrock" di mana kerap kali terjadinya kes-kes tanah runtuh, keretakan-keretakan tanah dan lain-lain kesan seumpamanya. Langkah-langkah keselamatan akan diambil atau dicadangkan mengikut mana yang sesuai.

Galian

Kementerian saya melalui Jabatan Galian Malaysia akan seperti biasa menjalankan 2 projek pembangunan. Projek-projeknya adalah seperti berikut:

1. Penubuhan makmal geoteknik
2. Penilaian Bijih Timah dalam kawasan Rezab Melayu.

Sebanyak \$330,000 adalah diperlukan untuk projek penubuhan makmal geoteknik di Ipoh. Dengan terdirinya makmal ini Jabatan Galian berharap akan dapat melaksanakan kajian-kajian bagi memastikan kestabilan muka-muka lombong yang berhampiran dengan jalanraya, landasan keretapi dan bangunan-bangunan. Ini adalah penting agar kerja melombong dapat dilaksanakan dengan lebih selamat dan kepentingan-kepentingan yang terlibat dapat dijamin. Makmal ini juga akan mengkaji cara-cara membina ampangan-ampangan di kawasan hampas lombong supaya satu panduan yang lebih teratur dapat diperolehi demi kepentingan keselamatan pelombong-pelombong.

Sebanyak \$24,250 pula diperlukan untuk projek penilaian Bijih Timah dalam kawasan rezab Melayu. Tujuan projek ini ialah untuk menilai potensi bijih timah secara teliti di kawasan-kawasan rezab Melayu.

Tuan Pengerusi, saya mohon peruntukan Belanja Mengurus tahun 1979 bagi Kementerian Perusahaan Utama sebanyak \$22,718,600 dijadikan sebahagian daripada jadual kepada Rang Undang-undang Perbekalan 1978 dan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun yang sama sebanyak \$20,411,220 diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Maksud Eekalan B.23 berjumlah sebanyak \$22,718,600 dan juga Maksud Pembangunan P.23 berjumlah \$20,411,220 kedua-duanya berjumlah kesemuanya \$43,129,820 di bawah Kementerian Perusahaan Utama sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Saya jemput dahulu Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

4.25 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya turut menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Perusahaan Utama di bawah Maksud B.23. Saya bercakap dalam Aktiviti (2) berkenaan dengan Bahan-bahan Utama.

Tuan Pengerusi, sebagaimana dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Kementerian yang berkenaan agaknya Kementerian ini telah mendapat kemajuan yang pesat. Di samping itu saya berharap satu, berkenaan perusahaan yang ada tiga empat perkara iaitu getah, kelapa sawit, bijih timah dan nenas. Yang pertama saya ambil dari segi getah sebagai bahan pertama.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat sudah sampailah masanya kita sendiri mengadakan stokpile sendiri kerana hari ini walaupun kita boleh jual ke negara-negara luar habis laku dengan harga yang mahal, tetapi kalaulah kita ada stokpile sendiri kita boleh menetapkan harga. Jadi kerap kali harga getah ini ditetapkan oleh negara-negara lain, sedangkan yang menjadi pengeluarannya ialah kita sendiri. Dengan sebab itu, saya berpendapat biarlah kuasa itu ada pada kita sendiri, lebih daripada orang yang akan menggunakan getah kerana getah sebelum mereka menggunakan kita dahulu terpaksa mengeluarannya.

Tuan Pengerusi, juga saya berpendapat selain daripada kita hendak eksport getah, kita juga hendaklah ada persediaan kalaulah pihak negara-negara yang berkenaan tidak sudi membeli getah kita, patutlah kita ada industri sendiri yang lebih banyak lagi. Dengan sebab itu, pada pendapat saya kita mendapat untung dari dua tiga segi.

Satu, kalaulah hari ini getah kita boleh dijual keluar negeri mendapat sekian harga, tetapi saya yakin kalau sesudahnya getah menjadi apa yang dikehendaki seperti hari ini setahu saya, kadang-kadang getah yang kita hantar keluar negeri, luar negeri mengadakan industri membuat daripada getah-getah kita, kemudian getah itu dihantar balik kepada kita. Di atas bahan kita diambil untung dua tiga kali ganda, untungnya satu, kepada badan industri dan yang kedua dapat pekerja-pekerja kepada negara yang membeli getah kita. Dengan sebab itu, saya berpendapat kalaulah kita adakan industri di sini saya berpendapat harga getah lebih tinggi lagi kalau dihisab dan menambahkan pekerja-pekerja yang saya yakin masih banyak lagi penganggur-penganggur dalam negara kita. Maka ini menjadi satu pertolongan kepada penganggur-penganggur yang ada dan di segi lain juga mendapat keuntungan.

Tuan Pengerusi, di sini juga saya berpendapat dan saya harap pihak Kementerian berkenaan kalau boleh masukkan lagi satu jenis tanaman dalam Malaysia ini menjadi bahan utama iaitu kelapa. Kalaulah kelapa sawit menjadi bahan utama Malaysia, getah bahan utama, lada hitam bahan utama, saya fikir kelapa juga patut boleh jadi bahan utama. Kelapa juga sesuai ditanam dalam Malaysia, apatah lagi kelapa hari ini dalam negara kita pun masih berharga dan di negeri saya sendiri kadang-kadang beli sebiji sampai 80 sen. Kalau dengan rancangan ini diambil berat oleh Kementerian berkenaan boleh jadi dicari tempat tanah yang sesuai dan diberi bantuan sebagaimana diberi bantuan kepada getah, nenas dan sebagainya. Maka dengan sebab itu, saya mengesyorkan supaya kelapa juga dimasukkan dijadikan salah satu daripada bahan-bahan utama Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya juga bercakap di segi bahan utama berkenaan dengan tembakau. Hari ini nampak saya perusahaan tembakau dengan diusahakan oleh Lembaga Tembakau Negara mendapat sambutan yang besar, khasnya daripada petani-petani sebagaimana diterangkan dalam huraian oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan tadi. Tetapi saya masih dukacita sebagaimana saya katakan tadi kita ini kebanyakan jadi pengeluar yang menetapkan harga orang lain.

Apapun begitu, daripada petani mengeluarkan bahan-bahan daripada kampung seperti ayam, itek, padi dan sebagainya, tetapi yang menetapkan harga semuanya orang lain, begitu juga tembakau. Yang mengeluarkan tembakau terdiri daripada petani-petani yang banyak sekali di Kelantan. Ini kita ucapkan terima kasih di atas usaha, titik peluh yang dijalankan oleh Lembaga Tembakau Negara tetapi harga-harga itu masih ditetapkan oleh pekilang-pekilang. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan kalau boleh ada dua perkara, satu dititikberatkan di segi harga dan yang kedua membanyakkan lagi kilang-kilang rokok dalam negara kita dan seboleh-bolehnya, ini saya ingin kaitkan sama dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, tetapi dengan kerjasama ataupun disyaratkan oleh Kementerian Perusahaan Utama dibuat macam negara Thai. Di negara Thai kadang-kadang payah kita hendak beli rokok selain daripada rokok yang dicap oleh negara Thai sendiri. Baik tidak baik, sedap tidak sedap pun kalau pergi ke negara Thai, Padang Besar, apatah lagi kalau Haadyai dan sebagainya, kalau kita ingin hendak hisap rokok yang kita hisap di sini terpaksa bawa bekal. Kalau hendak hisap rokok di sana mesti hisap yang dibuat oleh negara Thai sendiri. Ini pada pendapat saya cara dicari bahan daripada apa yang dapat dalam negara dia sendiri dan untuk mendapatkan hasil yang lebih dan menambahkan pekerja-pekerja dalam negara berkenaan. Dengan sebab itu, saya berpendapat dibanyakkan lagi kilang-kilang rokok sebagaimana saya kata tadi dengan menambahkan pekerja-pekerja lagi.

Tuan Pengerusi, bercakap saya di bawah Maksud P.23 Butiran (2) Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad. Dalam soal saham, saya berpendapat selain daripada kita membeli getah patutlah juga kita memberi saham-saham kepada pekebun-pekebun kecil, sesudah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi soal menanam semula diambilalih oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, tetapi di sini masih ada dalam Kementerian Perusahaan Utama lagi, saya berharap dan saya mencadangkan supaya Kementerian ini mencari jalan supaya tiap-tiap pekebun kecil ini mengadakan saham

saham dan diharap juga, sebagaimana saya kata tadi, kilang-kilang yang akan didirikan oleh Kerajaan itu patutlah, walaupun tidak banyak ditetapkan saham-saham itu terdiri juga daripada pekebun-pekebun kecil.

Tuan Pengerusi, beralihlah saya kepada Maksud P.23 Butiran 30, Penyelidikan Kearah Pengeluaran. Saya faham segala pengeluaran termasuklah pengeluaran kayu dan saya langsung dengan Penyelidikan Perlindungan Pokok dan Barang-barang Kayu di bawah Butiran 34. Saya amat bersetuju dengan apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi dan saya pun masih takut kayu kita ini kalau terlampau banyak kita eksport satu hari dia akan habis. Tetapi kalau kita tidak eksport pun kerana di situ kita akan mencari perbelanjaan negara. Pendek kata ditelan salah, diluah pun salah. Tidak dijual pun benda itu sudah laku, tidak terbang pun benda itu sudah laku. Tetapi saya takut sebagaimana kata Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi boleh jadi tahun 90 han kita pun akan mengimpot, bukan lagi mengekspot di masa itu. Di masa itu kita tidak tahu apa hendak jadi. Dengan sebab itu saya bersetuju sangat dan saya mengesyorkan di sini juga patutlah tiap-tiap pembalok tadi diadakan satu syarat, sesudah kayu itu diambil maka hendaklah ditanam semula dan dicari, kalau boleh dengan kayu-kayu yang agak pantas, cepat tumbuh dan kayu itu pun keras, boleh digunakan untuk binaan. Jadi di zaman sains dan teknologi ini, kalau dahulu kita kata orang tanam padi paling cepat 6 bulan, baru boleh makan, kemudian dicari dengan Malinja, Mahsuri, Mat Kucing dan sebagainya. Pendapatannya banyak, dapatnya pun cepat, jadi di zaman sains dan teknologi ini, saya fikir soal kayu pun begitu juga tetapi kalau kayu lembut, tak bolehlah dibuat binaan—tentu tak tahan. Maksud saya supaya dicari ikhtiar agar kayu yang keras boleh digunakan supaya cepat tumbuh dan cepat keras. Jadi keadaan musim, kalau kita tidak berusaha, ia akan tinggalkan kita. Dengan sebab itu, saya mencadangkan supaya diikhtiar cara perlindungan dan penyelidikan bahawa pokok-pokok itu patutlah diawasi betul-betul, kerana seperti yang dikatakan tadi, kalau tak diawasi, haruslah satu hari kita akan kekurangan kayu. Dan saya berpendapat di segi balak ini haraplah diawasi sungguh-sungguh.

Setahu saya, salah satu daripada sebab hujan tak berhenti atau mudah banjir ialah kerana hutannya tak ada. Kalau dahulu di Perlis hutan banyak, banjir kurang sedikit. Jadi saya mencadangkan di sini tiap-tiap rancangan perhutanan yang akan dijalankan hendaklah dikaji dengan sehalus-halusnya, barulah diluluskan.

Tuan Pengerusi, mengenai Maksud B.23 ini hendaklah dibanyakkan juga perusahaan-perusahaan mengasapkan getah, kerana saya berasa amat sedih dan dukacita disebabkan pekebun-pekebun kecil getah ini jadi mangsa sahaja. Harga tak berpatutan, mereka bekerja teruk, tetapi bila dijual kepada taukeh maka harga yang dibeli adalah tidak berpatutan. Dengan sebab itu, saya berharap Kementerian ini mengusahakan supaya mengumpulkan pekebun-pekebun kecil mengadakan tempat-tempat asap. Secara tak langsung ia akan melebihi harga selain daripada ada kilang dan sebagainya. Ini salah satu cara untuk menolong pekerja bumiputra kita untuk mendapat getah yang baik iaitu getah harga nombor satu. Kadang-kadang getah pekebun-pekebun kecil tak naik harganya disebabkan mutunya tak baik.

Dengan sebab itu, hendaklah diadakan tempat-tempat mengasap getah untuk menjadikan mutu getah yang baik dan ini setimpal dengan apa yang dikehendaki oleh Kerajaan bahawa dengan kenaikan harga getah ia bukan sahaja menguntungkan negara, pengeluar-pengeluar getah malah termasuk juga pekebun-pekebun kecil.

4.55 ptg.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih atas peluang untuk menyokong permohonan daripada Kementerian Perusahaan Utama bagi peruntukan tahun 1979 berjumlah sebanyak \$43,129,810.

Saya suka menarik perhatian majlis kepada Maksud Pembangunan 23, Butiran 2 berhubung dengan Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad (MARDEC). Di dalam tahun 1979 adalah dianggarkan bahawa sebanyak \$6,435,000 untuk dibiayai ataupun digunakan oleh MARDEC untuk

menjalankan rancangan-rancangan pembesarannya dan juga rancangan-rancangan yang lain. Saya percaya sudahlah sampai masanya sekarang ini pihak Kementerian memikirkan dan memberi peluang kepada pihak pekebun-pekebun kecil untuk turut serta di dalam usaha-usaha pembesaran dan juga rancangan-rancangan yang dijalankan oleh MARDEC.

Saya maksudkan di sini supaya dari segi membesarkan kegiatan perbadanan ini pekebun-pekebun kecil sebagaimana juga yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar tadi diberikan peluang bersama untuk turut serta dari segi pengurusan dan juga memiliki equity dalam MARDEC. Kalau dikira dari segi jumlah pekebun-pekebun kecil getah di seluruh negara khususnya di negeri Johor yang merupakan bilangan pekebun kecil yang terbesar di negara ini, yang saya anggar tak kurang daripada 400,000 pekebun-pekebun kecil getah dan sekiranya mereka ini menyertai di dalam kegiatan MARDEC secara terus dari segi pengurusan dan juga dari segi hakmilik MARDEC ini, saya percaya kesan yang lebih akan dapat diperolehi oleh Kerajaan melalui Kementerian ini dengan sebab ada penyertaan yang terus dari pihak pekebun-pekebun kecil dari segi soal pemasaran, pembelian getah dan sebagainya.

Kalau dianggar 400,000 pekebun kecil dan setiap seorang itu dihadkan membeli saham tak lebih daripada \$100 sahaja maka dalam jangka masa yang tertentu, kita akan dapat memungut tak kurang dari \$40 juta yang boleh dilaburkan bagi mengembang dan memperluaskan kegiatan MARDEC. Jadi dengan sebab itu, saya percaya kalau sekiranya mengikut keadaan sekarang ini, MARDEC tidak dapat memperluaskan kegiatannya dengan sebab masalah-masalah perbelanjaan dan peruntukan tidak mencukupi, tetapi dengan penyertaan yang aktif dari pekebun-pekebun kecil maka saya percaya pertamanya harga yang baik akan dapat diperolehi oleh pekebun-pekebun kecil getah dari segi hasil-hasil yang mereka keluarkan.

Kedua, kegiatan ini akan dapat diperluaskan di seluruh kawasan di seluruh negara. Apa yang kita ketahui dalam rancangan tahun 1979 hanya dua kilang SMR

yang akan dibina di seluruh negara, iaitu di Teriang dan Lenggong, sebagaimana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, tetapi saya percaya rancangan ini tidak mencukupi khususnya di negeri Johor. Setakat ini saya tidak begitu jelas tetapi apa yang saya tahu mungkin hanya dua sahaja kilang yang sedia ada dan akan didirikan di negeri Johor tetapi dari segi jumlah pekebun-pekebun kecil getah di negeri Johor, yang saya anggap merupakan bahagian yang terbesar dari segi jumlah pekebun-pekebun kecil getah di seluruh negara. Jadi perlulah pertamanya saya cadangkan tadi supaya pihak Perbadanan ini memikirkan supaya membuka peluang kepada pekebun-pekebun kecil untuk memiliki equity dalam MARDEC dan dengan tujuan itu dapat menambah lagi lebih banyak kilang-kilang MARDEC di seluruh negara.

Kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang perkara Maksud P.23, Butiran 3—Rancangan Penanaman Semula Nenas yang mana sebanyak \$2,602,360 telahpun diperuntukkan anggaran secara langsung bagi tahun 1979. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini yang telah menekankan betapa pentingnya penanaman semula nenas ini diperluaskannya, sebab kalau kita kaji daripada anggaran yang telah dipinda bagi tahun 1978 hanya \$1,398,400 sahaja telahpun dibelanjakan dan ini bagi tahun 1979 perbelanjaan dan peruntukannya telahpun ditambah lebih daripada \$1.2 juta. Walaupun begitu saya anggap peruntukan ini masih belum mencukupi. Saya percaya pihak Kementerian haruslah menambah lebih banyak lagi peruntukan supaya rancangan penanaman nenas ini dapat diperluaskan dengan menanam semula kawasan-kawasan yang sedia ada. Dan keduanya bukan sahaja menanam semula tetapi juga menanam baru kawasan-kawasan nenas dan bukan sahaja tertumpu di kawasan umpamanya di negeri Johor yang sudah terkenal sejak dahulu lagi bagi kawasan perusahaan nenas, tetapi juga di kawasan-kawasan lain yang saya percaya tidak kurang sesuai tanahnya untuk perusahaan nenas.

Perkara kedua dari aspek rancangan penanaman semula nenas ini sebagaimana yang telahpun dimaklumkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi ialah

berkenaan dengan usaha-usaha bagi menyusun semula Lembaga Kemajuan Nenas Tanah Melayu yang saya fikirkan bahawa sehingga hari ini Lembaga ini tidak begitu aktif dari segi memperluaskan perusahaan tanaman nenas dan dengan sebab itu kedudukan pasaran nenas kita terutama nenas-nenas dalam tin di peringkat luar negeri sudah merosot dengan sebab kekurangan usaha-usaha yang dibuat oleh Lembaga ini bagi memperkembangkan dan juga memperluaskan pemasaran nenas di luar negara kita. Jadi oleh sebab itu perlulah Kementerian ini memikirkan bagi menyusun semula mengadakan pegawai-pegawai yang mencukupi dan juga pegawai-pegawai yang terlatih dan juga seorang Pengerusi sepenuh masa (full time) yang dapat ditempatkan di Lembaga Kemajuan Nenas Tanah Melayu ini dan dapat menumpukan sepenuh masa untuk memikirkan masalah-masalah yang berkaitan dengan nenas.

Tuan Pengerusi, saya juga suka menyentuh tentang Maksud Bekalan 23 di bawah Kementerian ini. Pertama dari segi Pentadbiran Am, Penyelidikan dan Perancangan dalam Aktiviti (1). Di dalam hal ini sebagaimana yang telahpun saya suarakan di dalam Dewan ini pada masa yang lalu dan juga menjadi tujuan Kementerian Perusahaan Utama untuk mengiktiraf tanaman koko sebagai tanaman penting dan juga usaha-usaha untuk memperluaskan tanaman ini di seluruh negara. Jadi di dalam hal ini saya percaya pihak Pentadbiran Am dan juga Bahagian Penyelidikan dan Perancangan telahpun mengambil kira samada dalam tahun ini mahupun dalam tahun 1979 untuk memikirkan tentang keperluan membentuk satu Lembaga ataupun Badan yang dapat khusus menumpukan kegiatan perancangan dan penyelidikan untuk memperluaskan usaha-usaha tanaman koko di seluruh negara dan lebih-lebih lagi tumpuan hendaklah diberikan supaya sekiranya perusahaan koko ini dianggap akan menguntungkan kepada pekebun-pekebun kecil, maka usaha-usaha yang lebih gigih dan lebih berkesan harus diambil supaya pekebun-pekebun kecil getah dan juga yang lain-lainnya dapat juga menyertai dalam usaha-usaha untuk menanam koko di seluruh negara dan saya cadangkan supaya satu peruntukan nominal diadakan untuk membolehkan Kementerian

ini menggerakkan kegiatannya dari segi menubuhkan Lembaga Kemajuan Koko Negara.

Di bawah Aktiviti yang sama juga berhubung dengan Penyelidikan dan Perancangan dan menjadi satu daripada aktiviti Bahagian ini, saya menyambut baik cadangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri berhubung dengan penubuhan Pasaran Bahan-bahan Utama (Primary Commodity Exchange) yang baru-baru ini telahpun diumumkan dan juga termasuk dalam rancangan yang akan dijalankan bagi tahun 1978 dan juga 1979. Saya percaya sudah sampai masanya pihak Kerajaan dan juga pihak negara kita mengadakan pasaran bahan utama ini. Ini disebabkan, saya percaya sudah sekian masanya usaha-usaha dari segi memperluaskan pasaran bahan-bahan utama ini terletak kepada orang-orang asing dan luar daripada kawalan negara kita. Jadi adalah sesuai dan sudah sampai masanya kita mengambil langkah yang begini dan saya fikir adalah penting bagi menentukan rancangan Kerajaan ini berjaya, bukan sahaja pihak Kerajaan bahkan pihak pekebun-pekebun kecil akan dapat sama diberi peluang untuk menyertai di dalam penubuhan dan juga melaksanakan rancangan-rancangan yang diadakan di bawah pasaran bahan-bahan utama ini. Saya percaya dengan adanya pasaran bahan-bahan utama ini maka pertamanya hasil-hasil pertanian kita akan dapat pasaran yang lebih luas dan keduanya bahawa pekebun-pekebun kecil juga yang merupakan sebahagian besar daripada penyumbang pengeluaran negara dalam bidang pertanian dan juga keluaran utama ini akan dapat jaminan harga yang lebih baik. Saya juga ingin mencadangkan dari segi kegiatan ini dan juga Bahagian Penyelidikan ini supaya melalui Kementerian ini memikirkan cara mana yang lebih sesuai supaya pihak Persatuan Pekebun-pekebun Kecil Getah terutama di kalangan Bumiputra akan dapat sama turut serta dengan aktif di dalam pemasaran bahan-bahan tersebut. Di dalam hal ini mungkin kita perlu memikirkan soal sama ada usaha-usaha joint venture dengan badan-badan dan ajensi-ajensi Kerajaan ataupun pihak swasta boleh dijalankan dengan lebih praktik.

Tuan Pengerusi, dalam Aktiviti (2) Bahan-bahan Utama, di mana sejumlah \$4,216,758

adalah diminta, diperuntukkan bagi tujuan anggaran tahun 1979, di mana di bawah Aktiviti Bahan Utama ini Kementerian bukan sahaja bertanggungjawab dari segi mentafsir dasar utama Kerajaan, malah juga menganjurkan perlaksanaannya melalui Jabatan-jabatan dan Badan-badan Berkanun. Ini termaktub dalam tugas bidang bahan-bahan utama sebagaimana yang tercatat di dalam Anggaran Belanjawan 1979. Di dalam hal ini saya juga ingin mencadangkan supaya oleh sebab badan-badan berkanun dan juga ajensi-ajensi Kerajaan dan Jabatan-jabatan di dalam bidang ini adalah satu bidang yang terpenting, sebab ini melibatkan sebahagian besar hasil pendapatan dan pengeluaran negara dan lebih besar lagi oleh sebab ia melibatkan sebahagian besar penduduk negara ini maka aktiviti dan juga kegiatan badan-badan dan lembaga yang ditubuhkan di bawah Aktiviti ini hendaklah menjalankan kegiatannya dengan lebih kemas, licin dan juga efficient lagi supaya matlamat yang kita harapkan akan dapat tercapai dengan lebih baik lagi.

Tuan Pengerusi, melalui Aktiviti Bahan Utama juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan khususnya Kementerian Perusahaan Utama di atas usaha-usaha yang telahpun dibuat bagi mengadakan perundingan bagi memajukan pemasaran bahan-bahan utama dengan negara-negara lain, seperti Amerika Syarikat, Australia dan juga Persatuan Ekonomi Eropah. Saya percaya usaha ini adalah penting disebabkan hasil-hasil utama kita bergantung sebahagian besarnya daripada hasil-hasil eksport keluar negeri. Tetapi kita bersimpati dengan Kerajaan dan juga kita menyeru kepada negara-negara maju terutama negara Amerika Syarikat, Australia dan juga Persatuan Ekonomi Eropah bagi menghapuskan segala sekatan-sekatan yang ada dari segi tariff dan non-tariff bagi membolehkan bahan-bahan utama kita dipasarkan dengan lebih bebas di pasaran-pasaran Eropah, Amerika Syarikat, Australia dan juga di mana-mana negeri di luar negara kita. Ini adalah penting oleh sebab sekiranya negara-negara maju masih mengamalkan preferential treatment iaitu layanan-layanan istimewa bagi sebuah negeri-negeri tertentu sahaja dan meninggalkan kepentingan negeri-negeri yang sedang membangun atau yang ingin maju, maka

dengan sekatan-sekatan ini tidak akan memberi peluang kepada negeri-negeri yang sedang membangun bahkan negeri-negeri yang masih mundur untuk mendapat peluang pemasaran yang lebih luas kepada hasil-hasil pertanian terutamanya yang dikeluarkan oleh negara kita. Dalam hal ini kita menyokong dan kita menyeru kepada pihak negara-negara luar terutama negara-negara yang lebih maju supaya membuka pasaran negara mereka dengan melepaskan segala sekatan-sekatan tariff dan juga yang bukan tariff bagi membolehkan hasil-hasil kita dipasarkan dengan bebas di luar negeri, terutama sekali bagi hasil minyak kelapa sawit, getah, nenas dan sebagainya.

Saya juga menyambut baik di bawah Aktiviti ini di mana disebutkan bahawa Kerajaan sedang merangka penubuhan Instituti Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit sebagaimana yang telahpun diumumkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Saya percaya Instituti ini akan dapat memainkan peranannya yang lebih berkesan dan efektif dan lebih meluas lagi bagi mengadakan penyelidikan-penyelidikan lanjut untuk memperbaiki mutu hasil minyak kelapa sawit yang akan kita keluarkan, mengkaji kemungkinan-kemungkinan yang lain supaya hasil-hasil pengeluaran akan dapat ditambah dalam masa yang singkat dan juga soal-soal lain yang berkaitan dengan pemasaran, harga dan sebagainya.

Walaupun begitu, saya percaya usaha-usaha bagi kita memasarkan hasil pertanian terutama dari segi kelapa sawit ini tidak akan dapat sambutan yang baik sekiranya tidak ada persefahaman dan juga penyelarasan dan persetujuan dari segi sokongan negara-negara lain di dunia ini. Di dalam hal ini, saya ingin mencadangkan supaya di dalam aktiviti ini, Kerajaan kita mengambil daya utama dan menjadi perintis dalam soal untuk menubuhkan satu Persatuan Negara-negara Pengeluar Minyak Kelapa Sawit sekiranya ini belum ditubuhkan supaya dengan melalui Persatuan ini sebagaimana juga ANRPC ataupun Persatuan Pengeluar-pengeluar Getah Asli maka pasaran kita dan juga kedudukan harga akan lebih terjamin dan ini adalah penting dalam konteks memperluaskan pasaran minyak kelapa sawit di peringkat dunia dan antarabangsa dan saya

percaya di peringkat awalnya Malaysia sebagai satu anggota negara ASEAN akan dapat memainkan peranan dan merundingkan dengan negara-negara yang lain di dalam ASEAN untuk menubuhkan persatuan sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Satu perkara lagi, yang saya ingin sentuh di sini ialah di bawah Maksud Belanjawan B.23, Aktiviti (3) yang berkaitan dengan Perhutanan. Dalam perkara (a) yakni Dasar dan Pentadbiran Perhutanan di mana sebanyak \$6,999,400 dipohon bagi diluluskan bagi Anggaran Belanjawan tahun 1979. Satu perkara yang saya ingin sentuh di sini ialah soal dan juga perkara yang telah dikemukakan di Dewan yang mulia ini semalam di mana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menerangkan bahawa Deraf Rangka Kanun Perhutanan Negara akan dibentangkan di Dewan ini untuk dipersetujui. Saya percaya tindakan yang segera haruslah diambil supaya dengan adanya satu Kanun Kehutanan Negara, ia akan dapat menjadi satu panduan kepada negeri-negeri yang menjadi anggota negara kita ini khususnya Kerajaan-kerajaan Negeri mengadakan satu dasar yang selaras dari segi soal mengeluarkan hasil-hasil hutan negara kita. Apa yang kita ketahui sekarang ini bahawa tiap-tiap negeri mempunyai dasarnya sendiri yang saya faham sebagai satu kuasa Kerajaan Negeri tiap-tiap negeri yang mempunyai kuasa tertentu dan kuasa tersendiri untuk melaksanakan perkara-perkara yang berkaitan dengan soal hutan dalam negeri masing-masing. Tetapi ketidak adanya penyalarsan dan juga tindakan yang berlainan dari segi usaha-usaha untuk memajukan hutan negara dan juga mengeluarkan hasil-hasil perhutanan di dalam negeri-negeri yang berkenaan, maka ini akan melibatkan soal kepincangan di dalam industri perhutanan di masa-masa yang akan datang.

Satu perkara lagi yang berkaitan dengan soal perhutanan ini adalah perkara yang berkenaan dengan usaha-usaha bagi menggalakkan penempatan semula dan pemodenan kilang-kilang memproses kayu dan juga penggunaan kayu-kayan dengan sepenuhnya di dalam konteks menggalakkan penyertaan Bumiputra dalam sektor perhutanan sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru. Ini satu daripada asas dan maksud yang terkandung di dalam Anggaran Belanjawan

1979 khususnya berkenaan dengan perhutanan. Jadi satu perkara yang masih lagi menjadi perbincangan sekarang ini ialah soal kekurangan bilangan Bumiputra yang dapat menyertai secara aktif dalam bidang mengeluarkan hasil-hasil kayu-kayan negara ini dan juga perkara-perkara yang lain berkenaan dengan perhutanan. Oleh yang demikian, saya percaya perhatian yang lebih serius patutlah dibuat dalam bidang industri ini dan sebagaimana yang kita dimaklumkan bahawa usaha-usaha akan dijalankan dan saya menyokong supaya Kementerian ini berusaha dengan menyelaraskan kegiatannya dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya lebih ramai lagi usahawan dan pembalok-pembalok Bumiputra dilahirkan di negara ini.

Cuma satu perkara yang tidak disebutkan di sini yang saya ingin cadang dan sentuh ialah tidak adanya satu Unit Pengawasan dan Penguatkuasaan di dalam bidang perhutanan (forestry) ini. Saya percaya dalam segi melaksanakan industri perhutanan unit ini adalah perlu, sebab sekarang ini dan dalam masa-masa yang lalu kita terdengar adanya pihak-pihak pembalok-pembalok haram yang menjalankan kegiatan-kegiatan mereka di hutan-hutan dengan tidak diketahui oleh pegawai-pegawai atau orang-orang yang bertanggungjawab mengeluarkan hasil-hasil hutan dengan tidak mempunyai lesen dan sebagainya. Tindakan ini adalah satu tindakan yang bertentangan dengan maksud perancangan yang dibuat oleh Kementerian ini. Oleh yang demikian, saya fikir dan saya cadangkan, adalah perlu supaya Kementerian ini mengadakan bahagian Unit Kawalan dan Penguatkuasaan Undang-undang supaya menegah sindiket-sindiket pembalok haram menjalankan kegiatan mereka di kawasan-kawasan pendalaman dengan tidak setahu pihak-pihak yang berkuasa. Dengan adanya peruntukan undang-undang yang sedia ada ataupun yang belum ada yang perlu digubal, maka tindakan yang lebih berkesan dapat diambil bagi menegah usaha-usaha yang dibuat oleh sindiket ataupun kumpulan-kumpulan haram ini daripada mengambil hasil-hasil daripada kawasan-kawasan yang sedia ada.

Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, ialah di bawah Maksud B.23 juga dalam Aktiviti (5)

berkenaan dengan Penyiasatan Kajibumi di mana sejumlah besar sebanyak \$6,376,519 dipohon untuk diluluskan bagi Belanjawan 1979. Perkara yang saya ingin sentuh di sini ialah di dalam Matlamat (4) di dalam Anggaran Belanjawan (Buku Biru) yang disediakan di mana disebut usaha-usaha yang sedang dibuat oleh pihak Kementerian ini bagi mencari air bawah tanah untuk menambah bekalan-bekalan air dipermukaan yang tidak cukup dan menilai keupayaan-keupayaan air di seluruh negara. Ini adalah satu daripada bidang tugas yang ditempatkan di bawah Aktiviti Penyiasatan Kajibumi. Saya percaya kegiatan ini adalah perlu dalam konteks keadaan negara sekarang ini yang sentiasa menghadapi masalah kemarau, masalah cuaca yang tidak tentu dan masalah-masalah yang berkaitan dengan soal sumber-sumber alam, sumber-sumber air yang dapat digunakan bagi menampung keperluan negara. Saya menyokong supaya peruntukan yang telahpun dipohon tadi diluluskan dan kegiatan-kegiatan dan rancangan-rancangan yang lebih intensif dijalankan bagi mencari sumber-sumber air di seluruh negara supaya masalah-masalah yang sentiasa kita hadapi dari segi kekurangan air dan sebagainya akan dapat diatasi dengan sebaik-baiknya.

Tuan Pengerusi, saya menyokong Anggaran Belanjawan ini.

5.17 ptg.

Tuan P. Patto (Menglembu): Saya ingin menyentuh Maksud B.23 Butiran 1100 Aktiviti (5) Penyiasatan Kajibumi. Lebih \$3 juta telah diminta untuk diluluskan bagi maksud penyiasatan kajibumi.

Tuan Pengerusi, saya rasa Kementerian tentu sedar bahawa di merata-rata tempat di negara kita sekarang ada ramai orang-orang miskin yang tinggal dalam gua-gua dan di bawah cliff dan mereka berbuat demikian kerana mereka tidak dapat tanah gantian oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membina rumah bagi maksud mendudukinya dan nampaknya pihak Kementerian tidak menjalankan kajian-kajian tempat-tempat ini untuk memastikan sama ada keadaan cliff atau gua-gua ini tidak merbahaya. Kerana kelalaian inilah maka satu runtuhan atau tragedi berlaku beberapa tahun dahulu dalam

tahun 1973 di satu kampung bernama Kampung Kachang Putih di Ipoh.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, ini ialah penyiasatan kajibumi berkaitan dengan soal hendak melihat, menengok atau hendak survey sama ada dalam tanah itu mengandungi minyak, bijih timah, emas dan sebagainya; bukanlah ada berkaitan dengan soal setingan duduk dalam gua.

Tuan P. Patto: Saya setuju, Tuan Pengerusi, tetapi ini di bawah Geological Department. Di sini ada disebutkan kajian, General Administration, Geoprospection Branch dan Geochemistry. Saya minta pihak Kementerian supaya satu siasatan yang lebih mendalam dan luas dijalankan di semua tempat-tempat di mana ada gua-gua di mana didapati ada rakyat yang tinggal di situ.

Tuan Pengerusi, ingin juga saya menyentuh Butiran 1100 Aktiviti (4)—Galian. Ada tiga pecahan iaitu Pentadbiran dan Pengawasan Bijih Timah, Penguatkuasa Undang-undang dan Penyelidikan dan Penyiasatan.

Tuan Pengerusi, dalam buku biru Anggaran Belanjawan, kita dapati ada bab yang menyatakan dasar Jabatan Galian Malaysia ialah menggalakkan dan menimbulkan suasana yang baik untuk kemajuan hasil bumi dengan menentukan bahawa mutu keselamatan yang tinggi dapat terpelihara di dalam pekerjaan perlombongan.

Tuan Pengerusi, ingin saya tahu adakah Kementerian ini menimbulkan suasana yang baik dan selamat bagi pekerja-pekerja di lombong-lombong khususnya di lombong-lombong open-cast mine dan load mine? Tuan Pengerusi, memang sudah kita ketahui salah satu daripada tugas Jabatan Galian adalah untuk menentukan bahawa semua lombong-lombong khususnya open-cast mine yang terdapat di Lembah Kinta yang termasyhur di dalam dunia sebagai lembah yang mempunyai bijih timah yang begitu banyak itu selamat. Kita dapati bahawa banyak runtuhan-runtuhan sering berlaku di kawasan ini khususnya open-cast mine dan saya juga tertarik dengan satu bab di dalam buku ini juga yang menyatakan bahawa tugas Jabatan Galian ini adalah termasuk iaitu untuk menentukan bahawa hasil bumi dapat

dikerjakan dengan penuh dan dengan cara terbaik sekali dari segi keselamatan.

Soalnya sekarang adakah keselamatan bagi pekerja-pekerja itu terjamin di dalam lombong-lombong ini dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk menjamin keselamatan bagi pekerja-pekerja? Saya memang sedar Setiausaha Parlimen akan menjawab bahawa ada Undang-undang yang boleh digunakan untuk membawa sesiapa sahaja yang melanggar Undang-undang tentang perlombongan ke mahkamah. Tetapi nampaknya di dalam masa yang lampau terlalu banyak runtuhan berlaku di dalam lombong-lombong, khususnya di Lembah Kinta dan juga di sekitar Kuala Lumpur. Dan runtuhan ini berlaku khususnya di antara bulan Oktober dan Februari iaitu dalam musim hujan. Dalam musim hujan saya sering membaca kenyataan-kenyataan (statements) yang dibuat oleh pihak Kementerian, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Merinyu-merinyu Kanan Galian supaya meminta pelombong-pelombong berjaga-jaga, supaya pelombong-pelombong menjaga keselamatan tetapi sebarang seruan ini nampaknya tidak diendahkan oleh pihak pelombong dan itulah sebabnya terdapat banyak runtuhan-runtuhan yang berlaku lagi di lombong-lombong khususnya open-cast mine dan saya hairan bagaimana runtuhan-runtuhan ini boleh berlaku bilamana Kerajaan sentiasa menganggap dirinya 'all is well with me' dan menekankan bahawa segala kawalan-kawalan dan siasatan-siasatan rapi sentiasa dijalankan.

Tuan Pengerusi, kalau ada kawalan-kawalan dan penyiasatan-penyiasatan (inspection) yang rapi dan berkesan yang dijalankan oleh Merinyu-merinyu Galian, mengapakah runtuhan-runtuhan ini sering berlaku? Mungkin pihak Kementerian berkata hujan adalah sesuatu kuasa yang tidak boleh kita menahan. Tetapi ada juga runtuhan yang berlaku bukan dalam masa musim hujan tetapi dalam musim kemarau pun ada berlaku. Saya boleh beri satu contoh, baru-baru ini lebih kurang dua minggu sudah ada satu runtuhan yang berlaku di sebuah lombong kepunyaan orang Asia, bukan oleh syarikat asing, di mana runtuhan itu berlaku di Papan, Menglembu dan dalam runtuhan itu seorang pekerja didapati kehilangan nyawa

dan malangnya, Tuan Pengerusi, walaupun tragedi ini berlaku dua minggu dahulu sehingga hari ini mayat itu belum lagi dijumpai dan yang anih sekali tempat yang sudahpun disiap sediakan untuk dilombong dalam dua tiga hari lagi sahaja dan sebelum kerja-kerja untuk melombong tempat itu dijalankan maka runtuh itu berlaku. Runtuh itu berlaku bukan dalam musim hujan tetapi dalam musim kemarau.

Jadi soalnya sekarang kita tidak mahu mendengar alasan-alasan bahawa runtuh itu berlaku dalam musim hujan dan apabila hujan lebat maka susah hendak jaga keselamatan walau bagaimana kita buat ini dan buat itu. Tetapi macam mana boleh berlaku runtuh dalam musim kemarau? Saya haraplah Kementerian boleh mengambil perhatian dalam hal ini dan saya menyeru Kementerian supaya menyeru semua Merinyu-merinyu Galian termasuk Merinyu-merinyu Kanan Galian supaya membuat siasatan yang rapi dan dalam tentang setiap kegiatan perlombongan dalam setiap lombong khususnya lombong-lombong yang dikerjakan oleh orang-orang yang bukan orang asing iaitu orang-orang Asia.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini kalaulah Merinyu-merinyu Galian kita tidak knowledgeable, tidak fasih dalam hal ini maka saya menyeru Kementerian supaya memberi latihan dan mendapat pengetahuan yang lebih dalam di segi perlombongan supaya kepentingan pekerja-pekerja dapat dijaga oleh Kementerian ini. Saya tahu pihak Kementerian Buruh juga terlibat tetapi saya berharap Kementerian ini dari segi kerja-kerjanya dapat memberi jaminan bahawa pekerja-pekerja dan keselamatan pekerja-pekerja terjamin di dalam lombong-lombong khususnya lombong-lombong open-cast dan juga load mine.

Tuan Pengerusi, keselamatan pekerja-pekerja hendaklah diutamakan oleh Jabatan-jabatan ini dalam hal ini. Lebih ramai Merinyu-merinyu Galian hendaklah diambil sekiranya tidak cukup dan juga untuk mengatasi masalah ini. Saya berharap janganlah sepertimana terdapat sekarang setiap Merinyu Galian dikehendaki menjaga satu kawasan yang cukup luas dan dalam, kadangkala ada lombong-lombong yang berpuluh-puluh batu jauhnya daripada

jalanraya. Jadi saya berharap pihak Kementerian boleh menimbang supaya lebih ramai lagi Merinyu-merinyu Galian diambil dan diberi latihan yang cukup supaya mereka knowledgeable dalam perlombongan dan dapat memainkan satu peranan yang lebih berkesan dari segi menjamin keselamatan bagi pekerja-pekerja.

Tuan Pengerusi, perkembangan teknik seperti di dalam buku ini ada disebutkan di bawah Galian di mana ada disebut, izinkan saya, Tuan Pengerusi, salah satu daripada tugas-tugasnya ialah untuk "menentukan bahawa hasil bumi dapat dikerjakan dengan penuh dan dengan cara terbaik sekali dari segi keselamatan yang dikehendaki dan juga cara-cara yang terbaik dan tidak membazir; dan menjalankan penyiasatan bagi perkembangan teknik perlombongan dan pembilasan bijih dengan bermaksud untuk memperbaiki lagi kecekapan."

Saya memang bersetuju dengan tugas ini dan saya tidak membantah terhadap kegiatan-kegiatan untuk memodenkan perlombongan ataupun untuk membuat siasatan dalam segi perkembangan teknik perlombongan. Tetapi apa yang saya hendak menarik perhatian Kementerian di dalam Dewan ini kepadanya ialah perkembangan teknik perlombongan telah menjadikan beratus-ratus pekerja dan ada kalanya beribu-ribu tanggungan di mana beratus-ratus pekerja ini hilang kerja khususnya di open-cast mine, di mana dahulunya terdapat Mining Pump Attendant di mana setiap pekerja diambil untuk menjalankan kerjanya untuk tembak air daripada mine. Tetapi sekarang kita terdapat dengan adanya alat-alat yang moden iaitu automatic pumps di mana pekerja itu tidak ambil lagi dan ada di mana beberapa lombong khususnya open-cast mine yang dipunyai oleh bukan orang-orang asing iaitu orang Asia di mana pekerja ini dibuang kerja. Saya haraplah bahawa perkembangan teknik perlombongan ini janganlah menjadi halangan kepada pekerja-pekerja yang hanya mahu mencari makan dari sehari ke sehari.

Tuan Pengerusi, saya berharap sebarang perkembangan teknik perlombongan tidak akan menjadi halangan kepada pekerja-pekerja lombong yang menghadapi kemungkinan pekerjaan mereka dilucutkan.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 1100, Aktiviti 4 (b) Penguatkuasaan Undang-undang. Tadi saya ada sebut bahawa Kementerian tentu akan kata bahawa mereka ada mempunyai undang-undang yang cukup. Saya sedar, tetapi Jabatan Galian apabila menjalankan sebarang siasatan tentang runtuhan, tentang pelanggaran undang-undang khususnya di open-cast mine di mana ban atau tembok yang dibina untuk mengepung selut, kita dapati di mana tembok-tembok yang dibina itu sangat tinggi dan bahaya dan adakala berlaku trajedi di mana tembok runtuh dan selut membanjiri tempat yang berhampiran ia hendaklah tidak memihak sesiapa. Saya berharaplah apabila pihak Kementerian menjalankan siasatan, siasatan itu akan dijalankan dengan bebas dan tidak berbelah bagi sama ada bagi pihak pelombong ataupun pekerja. Dan pelombong-pelombong yang sabit kesalahan menurut undang-undang perlombongan yang ada sekarang saya rasa hukuman yang dijatuhkan sama ada denda atau penjara adalah ringan. Saya berharap pihak Kementerian akan mengkaji semula undang-undang yang ada sekarang ini supaya sebarang pelombong yang disabit kesalahan sama ada melanggar atau tidak mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Jabatan Galian dibawa ke mahkamah didenda atau di penjara ataupun kedua-dua sekali. Denda dan penjara itu mestilah menasabah, bukanlah ringan seperti sekarang. Denda atau penjara hendaklah diperbanyakkan lagi dan hendaklah dipanjangkan lagi misalnya untuk penjara. Itulah sahaja, Tuan Pengerusi.

5.34 ptg.

Tuan Bujang bin Haji Ulls (Simunjan): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih lantaran memberi saya peluang berucap pada hari ini dan saya tidak akan bercakap panjang.

Tuan Pengerusi, perkara pertama yang saya hendak sentuh pada hari ini ialah P. 23, muka surat 150, mengenai peruntukan perhutanan di Sarawak. Sekalipun perhutanan adalah perkara Negeri (State matter) untuk Sarawak, namun saya ingin hendak menyentuh mengenai beberapa hal yang bersangkutan-paut di dalam hal ini dengan Kerajaan Persekutuan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Jumlah peruntukan \$1,243,000 secara langsung dan \$490,000 kepada JKR dari ruangan (8) adalah dianggarkan cukup. Tetapi Sarawak ialah negeri yang paling luas dan besar dan begitu juga kawasan hutan rimbanya yang mengandungi berbagai-bagai species kayu-kayan yang sekiranya diselidiki mempunyai banyak potensi-potensi ekonomi dan lain-lain.

Mengenai P. 23, Butiran 45, muka surat 150, iaitu peruntukan bagi Pusat Penyelidikan Kayu dan Latihan Teknik saya syorkan supaya pusat seperti ini diperbanyakkan lagi. Banyak jenis (species) kayu-kayan di Sarawak yang belum lagi diselidiki kepotensiannya dan ini sangatlah perlu dititikberatkan. Sealiran dengan itu latihan teknik juga perlu diselaraskan.

Di samping itu, P. 23, Butiran 46—Kemudahan-kemudahan Penyelidikan Hutan perlu diperbanyakkan juga supaya aktiviti-aktiviti penyelidikan hutan dapat dijalankan dengan lebih efektif lagi. Begitu juga Butiran 47 dan 48, muka surat 150, Projek Kemajuan Perusahaan Hutan dan Sekolah Latihan Perhutanan.

Memandangkan bahawa Sarawak ialah negeri yang kaya-raya dengan kayu-kayan maka penitikberatan atas semua aspek tersebut di atas adalah perlu dan anggaran peruntukan adalah perlu dikaji semula supaya peneksplorasi hutan akan benar-benar menguntungkan sektor ekonomi negeri. Setakat ini peneksplorasi kayu-kayan hanyalah iaitu sebahagian besar daripadanya diorientasikan kepada pengeluaran kayu balak dan kayu bergergaji, tidak lain dari itu.

Dan saya berpendapat adalah wajar untuk Kementerian berusaha membuat penyelidikan yang lebih mendalam mengenai potensi-potensi penggunaan kayu-kayan di Malaysia khususnya di Sarawak. Sekiranya projek Kemajuan Perusahaan Hutan dilaksanakan dengan efektif sekali maka selain dari menghasilkan kayu balak dan papan atau kayu bergergaji kita boleh juga memulakan kilang kertas, kilang kain nylon yang diperbuat dari kayu-kayan sepertimana yang dilakukan oleh negeri Jepun dan sebagainya.

Dan ini juga adalah satu cara bagaimana kita menjaga kawasan hutan kita supaya, sebagaimana dikatakan oleh Setiausaha Parlimen tadi, kita takut nanti dalam tahun 1990an kita akan terpaksa mengimpot kayu-kayuan dan bukan lagi mengekspot.

Jadi, dengan itu saya rasa kalau kita menyelidiki potensi-potensi hutan bagaimana ia boleh digunakan, saya rasa ini ialah satu langkah bagaimana kita dapat menyiapkan negeri kita sendiri untuk menghadapi masalah ini.

Tuan Pengerusi, dengan perkataan lain, penyelidikan potensi-potensi hutan akan membolehkan pembinaan kilang-kilang memproses by-product yang bermacam jenis sebagaimana dilakukan oleh negeri lain seperti Jepun dan sebagainya. Hakikat ini juga ialah satu cara untuk kita membantu mengatasi masalah pengganguran di kalangan muda-mudi kita. Sekiranya kilang-kilang boleh diwujudkan dengan banyaknya maka pekerjaan akan sedia ada. Untuk membolehkan ini Pusat Penyelidikan Kayu dan Latihan Teknik adalah perlu yakni sekiranya lebih banyak isi kayu dapat disuaigunakan maka akan lebih terjaminlah pekerjaan penduduk-penduduk luar bandar, lebih-lebih lagi sekiranya kilang-kilang kertas dapat dibuka, kilang veneer kayu dapat dibanyakkan, kilang wood chips dan sebagainya dapat diwujudkan. Di samping itu yang perlu diutamakan juga ialah Sekolah Latihan Perhutanan.

Saya ingin merujuk kepada P.23, muka surat 150, Butiran 48—Sekolah Latihan Perhutanan, perlu dibanyakkan dan dijamin boleh menerima lebih ramai lagi budak-budak lepas sekolah untuk dilatih, dan ini ialah satu langkah, saya rasa, untuk mengurangkan pengganguran dari kalangan budak-budak lepasan Tingkatan Lima di sekolah-sekolah dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang saya ingin menyentuh dan yang terakhir ialah perkara P.23, Butiran 77, muka surat 151, iaitu mengenai Penyiasatan Kaji Punca Air Bumi. Saya berpendapat bahawa penyiasatan seperti ini perlu dipergiatkan lagi khususnya di kawasan-kawasan pantai. Ini sekiranya berjaya akan dapat mengatasi masalah-

masalah ketiadaan air dan ketiadaan punca air di kawasan yang datar di tepi pantai dekat laut. Satu contoh yang ingin saya beri ialah setakat ini Kementerian Pelajaran sedang merancang hendak membina sebuah sekolah menengah di muara Sungai Sadong di Sarawak iaitu dekat kampung Semerah, tetapi tergendala lantaran menghadapi masalah ketiadaan air, dan punca air. Sekiranya penyiasatan kaji punca air dapat dijalankan dengan giat maka rancangan untuk menyediakan dan memberi kampung-kampung tepi laut ataupun pinggir pantai seperti ini dengan kemudahan-kemudahan sosial seperti sekolah, hospital dan lain-lain tidak akan tergendala. Masalah seperti di atas juga timbul semasa saya mengajar di sebuah sekolah di tempat yang lain bilamana masalah kekurangan air juga timbul.

Akhir kata, Tuan Pengerusi, saya syorkan supaya penitikberatan diberi terhadap perkara-perkara yang telah saya syorkan tadi. Saya menyokong peruntukan bagi Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Dijemput Yang Berhormat.

5.44 ptg.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik: Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang ini mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang baik yang saya rasa semata-mata ditujukan ke arah memperbaiki lagi perkhidmatan Kementerian saya dan juga Jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawahnya. Jadi, pandangan ini akan dikumpulkan dan dikaji daripada masa ke semasa dan sebelum saya merumuskan soal ini saya inginlah membuat beberapa penjelasan tentang perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam perbahasan kita tadi.

Saya suka menarik perhatian pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar mengenai usaha untuk mengadakan industri-industri getah yang lebih di negara kita dan inilah sebenarnya yang digalakkan oleh Kementerian

saya sebabnya dalam usaha untuk mencapai matlamat ini kita akan teruskan usaha-usaha penyelidikan bagi menambahkan kegunaan-kegunaan bagi getah asli. Makmal getah kita di United Kingdom, Pusat Penyelidikan Getah Malaysia di Kuala Lumpur dan lain-lain akan terus berusaha ke arah matlamat ini dan saya percaya dan yakin dengan kerjasama di antara Kementerian saya, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan lain-lain badan Kerajaan yang bertanggungjawab mengenai soal ini, kita akan dapat menambahkan dari masa ke semasa industri-industri yang berasaskan getah di negara kita ini lebih-lebih lagi dengan adanya berbagai-bagai galakan atau intensif yang digalakkan oleh Kerajaan daripada masa ke semasa.

Soal kelapa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat ini, memanglah kelapa ini termasuk dalam senarai Kementerian saya sebagai senarai bahan utama yang mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kita sentiasa sahaja memberi perhatian kepada perkembangan kelapa di negeri kita dan sebagai makluman juga Malaysia adalah satu daripada ahli gabungan ataupun pertubuhan yang berkaitan dengan kelapa ini yang kita panggil Pertubuhan Kelapa Asia dan Pacific (Asia and Pacific Coconut Community) yang sekarang ini kita adalah satu daripada ahlinya. Menjadinya kita ahli kepada Persatuan ini adalah melambangkan bahawa kita sungguh-sungguh berusaha di peringkat negeri dan antarabangsa untuk memajukan seterusnya pada masa akan datang perkembangan kelapa di negara kita ini.

Soal tembakau yang ditimbulkan memanglah menjadi tugas utama Kementerian saya melalui Lembaga Tembakau Negara untuk menentukan bahawa perusahaan tembakau ini akan dapat memainkan peranan yang benar-benar berkesan dari segi memberi pendapatan yang lebih baik kepada rakyat. Lembaga Tembakau Negara akan meneruskan program-programnya, rancangan-rancangan eksperimennya bagi menambah lagi penanaman tembakau ini di negara kita terutamanya di negeri-negeri pantai timur. Jadi anggapan Ahli Yang Berhormat bahawa harga tembakau ini hanya ditentukan oleh

pihak kilang adalah silap sama sekali. Contohnya baru-baru ini kita telahpun menaikkan sedikit harga tembakau dan sebenarnya hasil daripada kenaikan ini ialah di atas perundingan bersama yang telah dijalankan oleh inisiatif Kementerian saya, pihak-pihak pengilang, pihak-pihak pengawit dan pihak-pihak penanam. Akibat daripada ini bukan sahaja harga telah dinaikkan, tetapi pihak pengilang telah bersetuju memberi subsidi yang menggalakkan kepada pihak penanam tembakau.

Mengenai MARDEC yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan Ahli Yang Berhormat dari Pagoh tadi, saya suka menjelaskan bahawa MARDEC sebagai satu badan yang ditubuhkan di bawah Akta Perniagaan Swasta akan meneruskan fungsifungsinya bagi membela nasib pekebun kecil dari segi menawarkan harga yang lebih baik kepada pekebun-pekebun kita yang menjualkan getah mereka secara kecil-kecilan, ataupun daripada ladang-ladang yang kecil. Walau bagaimanapun, MARDEC pada peringkat ini adalah dalam keadaan konsolidasi iaitu baru sahaja mengalami pembaikan dari segi kedudukan kewangannya. Dalam pada itu memang terdapat perwakilan daripada pekebun-pekebun kecil yang duduk di dalam Lembaga MARDEC dengan tujuan bahawa pihak pekebun kecil ini akan juga dapat memainkan peranan dari segi soal-soal pengurusan, soal-soal yang berkaitan dengan kepentingan pekebun kecil yang dilaksanakan oleh MARDEC.

Di samping itu adalah menjadi harapan dan tujuan Kementerian saya untuk melihat pada satu masa akan datang, satu masa yang lebih sesuai bahawa cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi bahawa penyertaan pekebun-pekebun kecil di dalam MARDEC melalui ekuiti dan juga melalui pengurusan secara lebih mendalam akan dapat dilaksanakan. Masalahnya ialah kita terpaksa menunggu masa yang lebih sesuai, kalau MARDEC tidak mempunyai kedudukan kewangan yang baik kita serahkan kepada pekebun-pekebun kecil ini juga tidak akan mendatangkan manfaat pada masa ini.

Selain daripada itu, soal kayu juga ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar. Adalah menjadi hasrat Kementerian

saya untuk melihat bahawa soal kayu ini akan dapat kita atasi secara semolek-moleknya pada masa yang akan datang dan kita berharap bahawa sedikit-sebanyak dengan adanya Kanun Kehutanan Negara yang sedang kita deraf sekarang akan dapat mengatasi beberapa masalah yang sedang kita hadapi dari segi kayu-kayan negara pada masa ini. Masalah besar yang kita hadapi pada masa ini sememangnya ialah, pertamanya ialah kadar pemotongan yang terlalu pesat, keduanya kadar penanaman yang terlalu lambat, ketiganya soal penggunaan sisa-sisa kayu. Di dalam hubungan ini Kementerian saya memang sentiasa sedar akan soal-soal dan masalah-masalah ini dan kita akan berusaha ke arah mengatasi masalah-masalah yang telah disebutkan tadi. Dengan ini saya rasa Kanun Kehutanan Negara yang akan kita bentuk nanti akan dapat menyelaraskan tindakan kita ke arah pencapaian matlamat-matlamat yang disebutkan tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh ada menyebut soal nenas dan saya difahamkan bahawa memanglah menjadi harapan kepada Kementerian saya bahawa nenas negara kita ini akan menghadapi masa depan yang lebih baik. Walau bagaimanapun, kemerosotan yang berlaku dari segi pengekspotan dan dari segi pendapatan luar negeri sememangnya ada dan ini kebanyakannya tergantung kepada faktor-faktor luar yang memang di luar kesanggupan dan kemampuan kita untuk mengawalinya. Sebagai contohnya dasar protectionism ataupun penghalang kemasukan impot oleh negara-negara tertentu, terutama negara maju telah sedikit-sebanyak memberi kesan ke arah kemajuan dari segi mengembangkan lagi pengekspotan nenas negara kita.

Mengenai koko telahpun kita lihat baru-baru ini bahawa koko memang telah menjadi satu bahan yang menarik kepada penanam-penanam di kalangan rakyat kita dan Kementerian saya memanglah memberikan segala sokongan ke arah menambahkan lagi penanaman koko ini disebabkan oleh permintaan terhadap koko di pasaran dunia sekarang telah memberikan satu kadar harga yang baik ke atas koko pada masa ini, bagaimanapun, kita akan meneruskan usaha ini.

Mengenai cadangan menubuhkan Lembaga Koko Negara ini pihak Kementerian saya akan mengkajinya dari satu masa ke masa dan sekiranya terdapat kebaikan-kebaikan yang nyata daripada penubuhan Lembaga seperti ini kita akan memberikan perhatian yang serius.

Soal mengadakan Commodity Exchange di Kuala Lumpur ini memang telah dinyatakan dengan jelas bahawa menjadi hasrat Kerajaan terutamanya Kementerian ini melihat bahawa Kuala Lumpur akan menjadi sebuah pasaran barangan antarabangsa yang terkenal. Bagaimanapun, dari segi penyediaan atau menjadikan Kuala Lumpur sebagai pasaran antarabangsa kita hendaklah membuat usaha-usaha yang lebih ke arah menambahkan lagi kemudahan-kemudahan pasaran atau infrastructural facilities yang diperlukan oleh mana-mana Commodity Exchange. Kita rasa sekiranya kita dapat mengatasi masalah penyediaan infrastructural facilities ini kita adalah sebuah negara yang paling sesuai sekali untuk dijadikan pasaran barangan antarabangsa yang baik di rantau ini.

Mengenai PORIM (Palm Oil Research Institute of Malaysia atau Instituit Penyelidikan Kelapa Sawit, memanglah kita berharap sangat bahawa PORIM ini seperti juga badan-badan instituit penyelidikan yang lain seperti RRI akan memainkan peranan yang penting dari segi mengadakan penyelidikan-penyelidikan dan kegunaan-kegunaan baru bagi kelapa sawit kita pada masa ini dan pada masa yang akan datang.

Saya patut ingatkan Ahli Yang Berhormat dari Pagoh bahawa soal hendak mengadakan Persatuan Negara-negara Pengeluar Kelapa Sawit ini, iaitu minyak kelapa sawit hanyalah satu daripada 14 jenis minyak sayuran dan lemak yang ada di seluruh dunia pada masa ini. Jadi kita kenalah mengkaji kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh berbagai-bagai negara yang mengeluarkan berbagai-bagai minyak sayur dan lemak ini dan sekiranya ada dapat diselaraskan perbezaan-perbezaan ini barulah cadangan seperti itu boleh dipertimbangkan.

Yunit Pengawasan dan Pengawalan Perhutanan ini tidak payahlah saya sentuh, sebabnya ialah di bawah Jabatan Perhutanan

kita memang ada pegawai-pegawai yang sentiasa sahaja memerhatikan dan menyiasat akan peraturan-peraturan pembalakan yang dijalankan daripada masa ke masa. Atas perkara ini saya rasa apa yang perlu kita buat ialah memperkuatkan penguatkuasaan (enforcement) peraturan-peraturan yang telah ada pada masa ini.

Ahli Yang Berhormat dari Menglembu telah menimbulkan masalah batu runtuh di Gunung Cheroh, Ipoh dengan mengatakan bahawa perkara ini telah tidak diberi amaran terlebih dahulu oleh Jabatan Galian. Saya difahamkan bahawa tuduhan itu adalah tidak benar, sebabnya ialah Jabatan Galian di negeri tersebut telahpun memberikan amaran yang lebih awal kepada penduduk-penduduk di situ untuk berpindah tetapi malangnya saya difahamkan bahawa amaran yang telah diberi oleh pihak berkuasa itu telah tidak mendapat sambutan yang baik daripada penduduk-penduduk yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Simunjan, Sarawak ada mengatakan soal perhutanan di Sarawak dan saya ingin menyatakan bahawa soal perhutanan di Sarawak ialah soal mutlak Kerajaan Negeri Sarawak. Kementerian ini tidaklah banyak dapat berbuat apa-apa mengenai soal perhutanan di negeri tersebut.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja yang dapat saya kutip sedikit-sebanyak dan lain-lain yang tidak dapat saya kutip daripada pandangan-pandangan yang baik, jujur dan ikhlas daripada Ahli-ahli Yang Berhormat akan saya dan Kementerian saya kaji daripada masa ke masa untuk membolehkan Kementerian saya menjalankan tugas-tugasnya, objektif-objektifnya secara lebih berkesan dan lebih berfaedah kepada rakyat daripada masa ke masa.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$22,718,600 untuk Maksud B. 23 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$20,411,220 untuk Maksud P.23 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1979.

Tuan Pengerusi: Sekarang Majlis akan menimbang Anggaran Perbelanjaan untuk Maksud Belanja Mengurus B.24 dan Pem-

angunan P.24 di bawah Kementerian Pertanian dan perbincangan di bawah Kementerian ini akan ditamatkan tidak lewat daripada jam 6.30 petang pada hari Isnin 20 haribulan termasuk jawapan Yang Berhormat Menteri, kemudian pada hari Selasa 21 haribulan Majlis ini akan menimbang Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pelajaran. Walau bagaimanapun, kiranya perbincangan tamat sebelum 6.30 petang pada hari Isnin 20 haribulan maka Majlis ini akan menimbang terus Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pelajaran iaitu untuk Maksud Belanja Mengurus B.29 dan Pembangunan P.29.

Saya jemput Yang Berhormat Menteri Pertanian mengemukakan Anggaran Perbelanjaannya.

Maksud B.24 (Jadual)—

Maksud P.24 (Anggaran Pembangunan, 1979)—

6.02 ptg.

Menteri Pertanian (Dato Shariff Ahmad): Tuan Pengerusi, saya memohon izin membentangkan Anggaran Belanjawan Kementerian Pertanian bagi tahun 1979 berjumlah \$558,783,237 seperti berikut:

Kepala Bekalan 24, Belanja Mengurus,

Kementerian Pertanian sebanyak
\$185,196,900

Kepala Pembangunan 24, Perbelanjaan Pembangunan, Kementerian Pertanian sebanyak \$373,586,337.

Tuan Pengerusi, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga kemajuan yang pesat dalam sektor pertanian adalah amat penting bagi mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Dalam perkara ini Kementerian Pertanian memainkan peranan yang penting untuk:

- (i) Memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi dan meninggikan pendapatan petani serta kaum nelayan; dan
- (ii) Mengeluarkan seberapa yang boleh bahan-bahan makanan yang cukup untuk keperluan negara dan eksport.

PERTANIAN

Sebagai satu strategi utama bagi menambahkan pengeluaran dan meningkatkan pendapatan kaum tani, beberapa kawasan pertanian yang mempunyai potensi sebagai kawasan pertanian adalah dimajukan secara disatukan (integrated). Bagi kawasan-kawasan ini, Kementerian Pertanian menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan pertanian. Petani-petani diberi kemudahan kredit, benih tanaman yang baik, kemudahan pemasaran dan memproses dan perkhidmatan perkembangan yang lebih lengkap di samping kemudahan-kemudahan pengairan dan pamaritan.

Pada masa sekarang, Projek Pembangunan Kawasan sedang dilaksanakan di Besut, Johor Barat, Kelantan Utara dan Barat Laut Selangor. Selain daripada projek-projek tersebut Kementerian saya juga sedang menyediakan projek-projek yang serupa bagi kawasan-kawasan lain.

Strategi serta program-program diatur bagi menentukan pengeluaran bahan-bahan pertanian dan makanan tempatan dapat seboleh-bolehnya mengurangkan bahan-bahan yang diimport serta juga mengurangkan kehilangan pertukaran wang asing. Tindakan-tindakan yang diamalkan termasuklah usaha-usaha mempelbagaikan tanaman serta memperbaiki penyelidikan dan pemindahan teknologi pertanian bagi menentukan usaha-usaha tanaman, ternakan dan perikanan dapat bertambah serta ditinggikan mutu pengeluarannya.

Dalam tahun 1979, Jabatan Pertanian memberi keutamaan kepada Perkhidmatan Tanah dan Khidmat Analisa kerana ini merupakan tindakan asas bagi apa jua projek pertanian, samada dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian, Kerajaan Negeri ataupun badan-badan berkanun.

Jabatan Pertanian juga akan memperluaskan kerja-kerja perkembangan bagi mengujudkan petani-petani moden berseesuaian dengan perkembangan teknologi pertanian, melalui latihan intensif dan lawatan-lawatan sambil belajar.

Pusat-pusat latihan sedia ada akan dibaiki dan 6 buah yang baru akan dibina di samping

lain-lain usaha perkembangan pertanian. Beberapa orang pekerja pertanian akan dihantar ke latihan tambahan, dan berbagai risalah teknikal akan dikemaskinikan untuk kegunaan pekerja pertanian dan kaum tani. Sementara itu Instituti Pertanian dijangka dapat melatih kira-kira 1,404 penuntut bagi session 1979/1980.

Usaha akan dipesatkan juga bagi mengawal penyakit tumbuhan dan kawalan serangga termasuk kawalan mengimpot bahan tanaman dan kawalan kegunaan racun-racun.

Rancangan Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil Kelapa bertujuan menambahkan lagi pengeluaran dan pendapat mereka akan juga diperluaskan.

Istimewa bagi Sabah dan Sarawak ialah meluaskan lagi Projek Perkembangan Kebangsaan di sana dalam tahun 1979, di samping lain-lain projek.

Bagi melaksanakan program-program dan aktiviti-aktivitinya Jabatan Pertanian memerlukan peruntukan berjumlah \$97,088,640 iaitu terdiri daripada \$19,923,610 Belanja Mengurus dan \$77,164,850 Belanja Pembangunan.

PARIT DAN TALIAIR

Jabatan Parit dan Taliair akan meneruskan program-programnya di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dengan menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur parit dan taliair, di samping memberi perkhidmatan kejuruteraan untuk membangun dan menggunakan sumber-sumber air di negara ini. Dalam tahun 1979 Belanja Mengurus sebanyak \$7,686,100 dan \$173,794,458 Belanja Pembangunan akan disediakan untuk melaksanakan rancangan-rancangan parit dan taliair.

Beberapa projek parit dan taliair besar akan diteruskan dalam tahun 1979, termasuk Projek Pembangunan Pertanian Johor Barat yang meliputi kira-kira 330,000 ekar, Kelantan Utara yang meliputi 30,000 ekar dan Barat Laut Selangor. Satu lagi projek besar dalam pelaksanaan dalam 1979 ialah Projek Pembangunan Pertanian Krian/Sg. Manik yang bertujuan meningkatkan pendapatan

pesawah-pesawah yang berusaha di bendang-bendang kecil yang keluasanya berjumlah 75,600 ekar. Selain daripada itu, sebanyak 290 projek taliair lain akan dibina tahun hadapan.

Di bidang mencegah banjir sebanyak 20 projek akan dilaksanakan untuk memberi faedah kepada kawasan-kawasan yang berjumlah 40,100 ekar. Usaha akan ditumpukan kepada kawasan Kuala Lumpur, Kota Bharu (Kelantan) dan Pekan (Pahang).

Kemudahan-kemudahan parit dan taliair di kawasan jelapang padi akan terus disediakan bagi menjamin pengeluaran beras di negara ini. Kemudahan yang serupa juga akan dititikberatkan di kawasan-kawasan padi di Sabah dan juga Sarawak supaya pengeluaran hasil beras dapat bertambah

HAIWAN

Jabatan Haiwan pula memerlukan belanja mengurus sebanyak \$12,112,010 dan \$19,285,000 Belanja Pembangunan (tidak termasuk \$1,275,000 secara pinjaman bagi negeri Sabah).

Dalam tahun 1979, Jabatan Haiwan akan memajukan lagi berbagai rancangan pembangunannya untuk menambahkan bekalan daging dan susu. Dalam Rancangan Pemiakan Lembu sekurang-kurangnya 8,000 ekor lembu baka baik akan diimpot. Lembu-lembu ini akan dibahagikan kepada penternak-penternak kecil di bawah Rancangan Bantuan/Subsidi bagi tujuan pemiakan. Perkhidmatan pernianian beradas akan dipergiatkan dan suatu National Artificial Breeding Centre akan dibina.

Usaha-usaha latihan dan tunjuk ajar kepada penternak-penternak kecil akan diteruskan di pusat-pusat latihan yang ada di Kluang khususnya dan seramai 2,400 penternak dijangka akan diberi latihan secara intensif dalam lapangan ternakan lembu susu. Di samping itu, 9 buah lagi Pusat Pengumpulan Susu akan ditubuhkan tahun hadapan.

Kawalan dan suntikan penyakit ternakan akan terus diperketatkan dan diperhebatkan. Pusat Diagnosa akan dibina di Johor Bahru, Alor Setar, Kota Bharu dan Kuantan untuk mempergiatkan lagi perkhidmatan ini.

PERIKANAN

Bagi tahun 1979, Jabatan Perikanan memerlukan sebanyak \$12,694,200 belanja mengurus dan \$25,960,399 belanja pembangunan. Ini termasuklah penyelidikan perikanan di Pantai Timor Semenanjung Malaysia, penyelidikan ternakan air payau, kajian sumber udang dan penambahan kawasan baru untuk pembiakan terumbu laut tiruan. Selain dari itu, kegiatan-kegiatan penguatkuasaan undang-undang Perikanan akan dipertambahkan lagi dengan adanya bot-bot peronda yang moden dan laju.

Dalam tahun 1979, pembinaan infrastruktur seperti kompleks perikanan, jeti dan lain-lain kemudahan akan dipergiatkan. Sebanyak 5 buah kompleks akan dibina di Genting (Kelantan), Kuala Besut dan Chendering (Trengganu), Kuala Sedili (Johor) dan Batu Maung (Pulau Pinang). Kompleks-kompleks ini akan memberi kemudahan-kemudahan pendaratan, pengendalian dan pemasaran kepada bot-bot yang lebih besar digunakan, memandangkan kepada rancangan Kerajaan untuk memperluaskan kegiatan penangkapan ikan dilautan dalam.

Sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru, Jabatan Perikanan akan memperuntukkan sebanyak \$8.4 juta untuk bantuan kepada nelayan-nelayan dan penternak-penternak ikan.

KEMAS

Bagi tahun 1979, KEMAS memerlukan sebanyak \$21,636,400 Belanja Mengurus dan \$2,718,730 Belanja Pembangunan.

JABATAN KOPERASI

Jabatan Pembangunan Koperasi memerlukan Belanja Mengurus dan Pembangunan berjumlah \$7,348,700. Keutamaan akan diberi kepada usaha-usaha penerangan dan pelajaran mengenai koperasi untuk mengembangkan gerakan koperasi kepada rakyat dengan meluas. Pengeluaran risalah dan lain-lain bahan bacaan diperhebatkan. Berbagai kursus, seminar, bengkel dan lawatan akan diaturkan bagi pegawai dan anggota koperasi untuk menambah mutu pengurusan koperasi. Seramai 15,000 orang pekerjajasama dijangka diberi latihan dalam tahun 1979.

Usaha akan dipesatkan untuk menggalakkan percantuman koperasi-koperasi kecil dan penubuhan koperasi-koperasi nasional dan menggalakkan "joint ventures" di kalangan mereka.

Tuan Pengerusi, selain daripada Jabatan-jabatan yang disebutkan tadi, Kementerian Pertanian juga bertanggungjawab ke atas 8 buah badan berkanun iaitu FAMA, LPP, MARDI, MAJUTERNAK, MAJUIKAN, KADA, MADA dan Bank Pertanian.

FAMA

Bagi tahun 1979, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memerlukan peruntukan sebanyak \$6,379,400 Belanja Mengurus dan \$3,386,000 Belanja Pembangunan untuk melaksanakan berbagai perkhidmatan pemasaran. (Jumlah ini tidak termasuk \$2,580,000 secara pinjaman).

Selain daripada rancangan pemasaran yang sedang dilaksanakan untuk buah dan biji kopi, kelapa dan kelapa kering, lada hitam dan sayur-sayuran Rancangan Pemasaran Koko akan dimulakan supaya menggalakkan penanaman koko sejajar dengan dasar Kerajaan untuk memperluaskan tanaman ini sebagai sumber pendapatan tambahan kepada kaum petani.

Satu aspek baru dalam perkhidmatan pemasaran yang akan dicuba dalam tahun 1979 ialah mengadakan bilik sejuk untuk menyimpan sayur-sayuran yang mudah rosak untuk mengatasi masalah pemasaran bahan ini.

LPP

Dalam tahun 1979, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan memerlukan sebanyak \$17,921,400 Belanja Mengurus dan \$23,875,290 Belanja Pembangunan.

Secara keseluruhannya program-program pembangunan LPP meliputi pembangunan kemudahan infrastruktur, program memperluaskan pengeluaran tanaman melalui kejenteraan ladang, program pemuliharaan perladangan, program perusahaan berasaskan pertanian dan program modal pusingan. Faedah dari program-program pembangunan ini akan dapat dinikmati terus menerus oleh kaum petani.

MARDI

MARDI memerlukan \$40,271,000 Belanja Mengurus dan \$16,313,050 Belanja Pembangunan bagi tahun 1979. Aktiviti-aktiviti penyelidikan yang akan dijalankan dalam tahun 1979 merupakan usaha sambungan dan baru yang bertujuan menolong petani-petani dengan meninggikan mutu dan menambatkan seluruh hasil pengeluaran pertanian, membanyakkan lagi kegunaan hasil-hasil pertanian serta memperbaiki cara-cara memprosesnya. Semua hasil penyelidikan disebarkan kepada petani-petani dan juga lain-lain pengusaha. MARDI akan terus melaksanakan rancangan-rancangan latihan dan kemajuan kerja supaya ia dapat pegawai yang berkelayakan yang boleh memberi perkhidmatan yang berkesan terhadap kemajuan pertanian.

MAJUTERNAK

Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (MAJUTERNAK) memerlukan wang peruntukan sejumlah \$2,717,700 Belanja Mengurus dan \$10,867,030 Belanja Pembangunan. MAJUTERNAK sedang berusaha mencapai matlamat 100% keperluan daging di negara ini, dan akan membuka 5 buah lagi projek ternakan lembu di Johor, Trengganu, Kelantan, Sarawak dan Sabah.

Di dalam usaha memajukan perusahaan penusu di negara ini, 8 buah unit susu komersial akan disiapkan dalam tahun 1979 dan dengan ini adalah dijangka ladang-ladang ternakan MAJUTERNAK akan dapat mengeluarkan 1 juta gelen susu setahun. selain dari itu, ini akan dapat mengeluarkan lebih kurang 1.4 juta paun daging setahun.

Dalam usaha memodenkan proses penyembelihan pula maka 6 buah projek iaitu Rumah Sembelih, Pusat Memotong Daging atau Memproses Ayam dijangka siap dalam tahun 1979.

Dalam lapangan pemasaran pula, MAJUTERNAK sedang giat memperbaiki sistem pemasaran lembu dan daging untuk menjamin bekalan daging yang mencukupi dengan harga yang berpatutan. Usaha yang sama juga dijalankan dalam memasarkan susu yang dikeluarkan oleh ladang-ladang ternakan.

MAJUIKAN

Dalam tahun 1979 Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (MAJUIKAN) memerlukan peruntukan sebanyak \$6,685,300 untuk belanja mengurus dan \$14,554,500 untuk belanja Pembangunan.

Lembaga ini akan mengambil tindakan memperkuatkan projek-projek penangkapan ikan dengan memperkemas dan memperteguhkan lagi jentera pengurusannya. Usaha-usaha akan dipergiatkan untuk memajukan pergerakan Koperasi Nelayan supaya ianya benar-benar menjadi organisasi yang berkesan dalam usaha memperbaiki taraf sosio-ekonomi masyarakat nelayan. Peruntukan bagi tujuan ini sebanyak \$4,432,500 akan digunakan sebagai modal untuk koperasi nelayan menjalankan kegiatan-kegiatan perniagaan yang memberi perkhidmatan kepada ahli masing-masing.

KADA

Dalam tahun 1979, Lembaga Kemajuan Pertanian Kumubu (KADA) memerlukan Belanja Mengurus sebanyak \$10,240,500 dan \$922,010 Belanja Pembangunan. Dengan peruntukan ini bagi tahun 1979 KADA akan dapat menambahkan lagi kawasan tanaman padi pada luar musim kepada kira-kira 66,000 ekar iaitu pertambahan sebanyak kira-kira 5%. Adalah dianggarkan purata hasil juga akan meningkat dari 500 gantang satu ekar kepada 550 gantang satu ekar. Rancangan pembekalan dan pembiakan benih akan diperluaskan lagi.

MADA

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dalam usahanya menuju matlamat pembangunan sosial dan ekonomi 60,000 keluarga petani yang merangkumi kira-kira 340,000 penduduk desa dalam kawasan Muda Kedah/Perlis di samping menambahkan pengeluaran makanan (beras) untuk keperluan negara, memerlukan Belanja Mengurus sebanyak \$13,648,650 dan Belanja Pembangunan sebanyak \$890,000 bagi tahun 1979.

MADA akan terus memesatkan usaha-usahanya kepada mencukupkan segala kemudahan-kemudahan asas peringkat

bendang di seluruh kawasan projek, dan pada tahun 1979 dianggarkan seluas 6,600 ekar bendang akan menikmati kemudahan-kemudahan ini yang termasuk memperkemas sistem pengaliran dan pengaliran dan menambahkan jalan-jalan ladang.

MADA akan meneruskan usahanya mengintegrasikan pergerakan 289 buah syarikat-syarikat kerjasama tempatan dengan pergerakan 27 buah Persatuan-persatuan Peladang yang keduanya pada masa ini mempunyai seramai kira-kira 36,000 orang ahli. Percantuman ini akan melahirkan koperasi-koperasi peladang yang besar dan viable, mempunyai taraf pengurusan yang berkesan dan kedudukan kewangan yang kukuh.

AIR DI DAM

Sebagaimana sedia maklum, kemarau panjang telah menyebabkan tanaman padi musim kedua terpaksa dibatalkan tahun ini. Kerajaan telah menolong meringankan beban yang ditanggung oleh petani-petani dengan mengadakan peruntukan khas; dan juga bantuan-bantuan lain yang disalurkan menerusi Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pertanian. Pada masa itu air di ampangan hanya diparas 270,000 ekar kaki. Sehingga 25hb Oktober lalu, kedudukan paras air telah bertambah baik iaitu 467,000 ekar kaki dalam ampangan Pedu dan 37,500 ekar kaki di dalam ampangan MUDA. Pada ketika ini tanaman musim kedua sedang dijalankan. Dengan doa semua kita akan dapat meneruskan tanaman luar musim untuk tahun 1979 dengan keadaan air yang bertambah dalam ampangan kita.

Walaupun kemarau itu teruk, tetapi ada juga kebaikannya: (1) penanaman padi boleh dikendalikan secara berperingkat-peringkat dan diikuti pula menuai berperingkat-peringkat juga; dan (2) dengan itu mengurangkan masalah kemorosotan ataupun kehilangan selepas menuai, yang dianggarkan pada masa ini kira-kira 12%.

BANK PERTANIAN

Bagi tahun 1979, Bank Pertanian adalah dijangka mengeluarkan pinjaman sebanyak \$93 juta untuk tujuan pembangunan pertanian di seluruh negara. Sebahagian besar

daripada pinjaman tersebut iaitu \$53.8 juta adalah untuk pinjaman jangka pendek manakala bakinya untuk pinjaman jangka pertengahan dan panjang. Dalam melaksanakan rancangan pinjaman Bank Pertanian akan mengkaji segala keperluan kewangan petani-petani supaya pemberian kredit itu benar-benar dapat memperbaiki keadaan ekonomi dan sosial mereka.

Di antara rancangan Bank Pertanian dalam tahun 1979, termasuklah usaha memperluaskan lagi liputan rancangan kredit menerusi pembukaan cawangan-cawangan baru dan meningkatkan lagi kegiatan cawangan-cawangan yang ada di seluruh negara.

Selain dari itu, Bank Pertanian akan juga melibatkan diri secara langsung dalam projek-projek antara Jabatan/Agensi yang dijalankan secara "integrated".

Kegiatan Bank secara "area approach" akan ditambah dengan mengkaji keperluan kredit pertanian di kawasan-kawasan tertentu secara mendalam dan seterusnya merangka skim-skim pinjaman yang disesuaikan kepada keperluan kawasan-kawasan itu.

Belanja Mengurus Bank Pertanian bagi tahun 1979 dianggarkan berjumlah \$8 juta dan kesemuanya akan ditanggung sendiri oleh Bank Pertanian melalui pendapatan dari faedah dan keuntungan yang diterima dalam pelbagai aktiviti.

Tuan Pengerusi, Kementerian Pertanian pada keseluruhannya akan menitik-beratkan usaha-usaha meninggikan pendapatan kaum tani dan nelayan serta meninggikan pengeluaran bahan-bahan makanan supaya cukup keperluan negara dan seterusnya untuk

diekspot. Usaha-usaha ini adalah sepertimana yang telah saya huraikan tadi.

Tuan Pengerusi, dengan alasan-alasan yang diberikan di atas saya memohon peruntukan Belanja Mengurus di bawah Kepala B.24 dan peruntukan Belanja Pembangunan di bawah Kepala P.24 berjumlah \$558,783,237 dijadikan sebahagian daripada Jadual dan diluluskan.

6.28 ptg.

Dr Tan Tjong Hong (Kepong): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B.24 mengenai Haiwan. Saya ingin menyentuh sedikit dalam perbahasan ini mengenai Butiran 191—Pembinaan Pusat-pusat Kerantina, muka surat 173.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini kita baca di suratkhbar seluruh negeri Perak telah diisytiharkan sebagai kawasan yang diserang oleh penyakit kuku dan mulut. Berikutan dengan itu pemindahan binatang-binatang seperti lembu, kerbau, kambing biri-biri di dalam atau ke dalam negeri itu, ataupun bangkai-bangkai dan daging dari ternakan tersebut ataupun mengeluarkan dari negeri Perak adalah dilarang sama sekali.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh sambung pada hari Isnin.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 20hb November, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.